

**Hasil
perikanan naik
9 kali ganda** MS 3



**Wawancara khas
bersama Exco
Perumahan** MS 15



Mutiara • buletin

PERCUMA



www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

1 – 15 NOVEMBER, 2016

RM150 juta peruntukan RTB Pusat ke P. Pinang dialu-alukan - KM

Exco harap projek laksana pertengahan tahun 2017

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Kerajaan Pusat akhirnya meluluskan peruntukan sejumlah RM150 juta untuk projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, selepas tujuh kejadian banjir direkodkan melanda bahagian pulau dalam tahun ini sahaja.

Sambil mengalu-alukan peruntukan itu, **Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng** berharap Kerajaan Negeri dan Persekutuan dapat bersama-sama menangani dan menyelesaikan dengan segera masalah banjir.

"Kita tidak mahu berpolitik tentang masalah banjir, sebaliknya ingin selesaikannya dan berharap RTB Sungai Pinang dapat disiapkan," katanya pada sidang media di sini 8 November lalu.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa kelulusan peruntukan RM150

juta (yang diumumkan kelulusannya pada 7 November 2016 oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Parlimen) tersebut walaupun bukan 100 peratus, ia sekurang-kurangnya dapat 'mulakan' RTB Sungai Pinang.

"Kerana kekangan kewangan, (Kerajaan Pusat) tidak boleh bagi 100 peratus (RM350 juta) sepertimana diminta oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran).

"Kami (Kerajaan Negeri) mengalu-alukan peruntukan RM150 juta sedemikian, memang ia (RM150 juta) tidak mencukupi, tapi sekurang-kurangnya kita boleh memulakan projek (RTB)," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Bercakap pada sidang media sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow turut merakamkan ucapan terima kasih kepada

Dr. Wan Junaidi yang mengumumkan peruntukan RM150 juta tersebut.

Menurutnya, JPS Negeri bakal mengemukakan semula pelan reka bentuk, laporan penyiasatan tapak serta melantik jurutera perunding berwajib berdasarkan peruntukan RM150 juta yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat bagi projek RTB Lembangan Sungai Pinang sesegera mungkin.

"Kerajaan Negeri berharap kerja-kerja tebatan banjir yang menelan belanja RM125 juta serta RM25 juta lagi untuk memulihara sungai dapat dilaksanakan pada pertengahan tahun 2017.

"Kita merasakan projek ini amat penting untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda daripada insiden banjir.

"Projek ini diharapkan akan mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 2017," ujar beliau.

Tambah Kon Yeow, Dr. Wan Junaidi

memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui JPS masih boleh memohon peruntukan tambahan RTB kelak, selepas projek ini siap.

"Beliau (Dr. Wan Junaidi) menyatakan bahawa selepas laksana, jika tidak cukup, maka peruntukan boleh dipohon dalam Rancangan Malaysia (RMK) seterusnya.

"Kita tidak akan putus asa," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Sungai Pinang bermula dari Dobi Ghaut hingga muara Sungai Pinang.

Manakala, Lembangan Sungai Pinang terdiri daripada enam anak Sungai dari Bukit Bendera dan Air Itam mengalir ke Sungai Pinang.

Enam anak sungai tersebut adalah Sungai Dondang, Sungai Kechil, Sungai Air Putih, Sungai Air Itam, Sungai Air Terjun dan Sungai Jelutong.



CHOW Kon Yeow menunjukkan salinan surat kelulusan serta-merta tujuh projek tebatan banjir yang dipohon JPS di sini pada 7 November lalu.

KN lulus serta-merta RM665,000 kurangkan risiko banjir, umum Kon Yeow

Gambar : **LAW SUUN TING**

BAYAN LEPAS – Kerajaan Negeri meluluskan sejumlah RM665,000 peruntukan tujuh projek tebatan banjir yang dipohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta-merta, sebagai langkah menangani risiko banjir berskala jangka pendek di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian banjir pada awal pagi 7 November lalu di beberapa kawasan di negeri ini.

"Kerja-kerja akan dilaksanakan serta-merta, lantikan (kontraktor) terus," jelasnya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini.

Tujuh projek yang mendapat kelulusan serta-merta Kerajaan Negeri tersebut adalah:

- RM180,000 peruntukan caruman perparitan bagi kerja-kerja pendalaman Sungai Pinang.

- RM200,000 peruntukan caruman perparitan untuk kerja-kerja pendalaman muara Sungai Pinang.

- RM75,000 peruntukan caruman perparitan untuk kerja-kerja pendalaman dan membaiki tebing Sungai Dondang.

- RM100,000 peruntukan caruman perparitan bagi pendalaman dan membaiki tebing Sungai Air Itam.

- RM50,000 peruntukan mengurus bagi kerja-kerja pendalaman Kolam Takungan A, B dan C Daerah Timur Laut (DTL).

- RM30,000 peruntukan mengurus bagi kerja-kerja menyelenggara dan membaiki sistem pam tebatan banjir di DTL.

- RM30,000 peruntukan mengurus bagi kerja-kerja pendalaman Sungai Jelutong.

'Satu Rumah, Satu Hafiz', hasrat Kerajaan Negeri

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

SEBERANG JAYA - Lebih daripada 2,967 hafiz al-Quran dari seluruh negeri Pulau Pinang menerima manfaat berjumlah RM1.463 juta sejak tahun 2008 sehingga kini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, sumbangan insentif oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan itu adalah hasil cetusan idea Ketua Menteri dalam memartabatkan agama Islam di Pulau Pinang.

"(Malah), peruntukan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan kini, berhubung (pembangunan) hal ehwal agama Islam adalah jauh lebih baik berbanding Kerajaan Negeri terdahulu semasa di bawah Barisan Nasional (BN)," katanya pada Majlis Pengisytiharan, Penyampaian Anugerah dan Sumbangan Kepada

Para Hafiz di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Maktar Shapee; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor antara tetamu kehormat yang hadir.

Pada majlis tersebut, seramai 55 hafiz dan hafizah baru masing-masing menerima insentif berjumlah RM500.

Menurut Abdul Malik, insentif tersebut adalah sebagai galakan bagi melahirkan lebih ramai hafiz Quran muda selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah 'Satu Rumah, Satu Hafiz'.

"Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM1,025,500

kepada Maahad Tahfiz yang berdaftar di negeri ini dalam usaha membantu ke arah melahirkan lebih ramai hafiz Quran.

"Semua ini (pemberian insentif) sekaligus menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam menghargai para hafiz sebagai tonggak masa depan celik Al-Quran negeri Pulau Pinang," ujarinya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Dalam majlis anjuran bertemakan, 'Kemenjadian Huffaz Melebar Luas Rahmatan Lil Alamin' tersebut, **AHMAD TAJUDIN ISMAIL**, 51, telah dinobatkan sebagai Tokoh al-Hafiz 2016.

Bertugas sebagai Iman Rawatib di Masjid Negeri Pulau Pinang sejak 2006, Ahmad Tajudin yang ditemui menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pengiktirafan tersebut.

"Saya berharap Kerajaan Negeri



AHMAD Tajudin Ismail (kiri sekali) menyantuni Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pengisytiharan, Penyampaian Anugerah dan Sumbangan Kepada Para Hafiz di sini baru-baru ini.

dapat juga memberi fokus terbaik kepada pengajian aliran tahfiz di negeri ini dalam usaha melahirkan hafiz yang baik dan berkualiti," katanya yang juga Pensyarah di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Air Itam.

Selain membawa pulang trofi dan sijil pengiktirafan, Ahmad Tajudin turut membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM2,500.

Selain itu, turut menerima pengiktirafan ialah Muhammad

Uwais Naufal Mohamad Muzakir, 15, yang dinobatkan sebagai Al-Hafiz Muda.

Manakala Guru Al-Hafiz dianugerahkan kepada Kamarul Ariffin Ithnan, 42; keluarga Ahmad Mahdi Abdul Aziz, 45 (Anugerah Keluarga Ah-Hafiz) dan Pusat Tahfiz Al-Fallah, Kepala Batas (Pusat Tahfiz Terbaik 2016). Semua pemenang menerima wang tunai RM2,000 berserta trofi dan sijil pengiktirafan.

Pembangunan di kawasan hutan tadahan air tidak pernah berlaku - KM

SUNGAI BAKAP - Kerajaan Negeri tidak pernah meluluskan projek pembangunan di hutan yang menjadi kawasan tadahan air, sebagaimana dituduh pemimpin tertentu Barisan Nasional (BN).

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, paras air di Empangan Teluk Bahang kira-kira 67 peratus dan berada pada aras 'sihat', begitu juga air dekat Empangan Air Itam hampir 99 peratus ketika ini.

"Pembangunan di kawasan hutan, khususnya di kawasan tadahan air memang tidak pernah berlaku.

"Sekiranya ada pembangunan di kawasan bukit, empangan air di Pulau Pinang akan menjadi kering-kontang macam di negeri-negeri lain, tapi ia kini berada dalam paras 'sihat'.

"Ini sekaligus menolak tuduhan dan fitnah-fitnah jahat pihak tertentu, khususnya Barisan Nasional (BN) dan (pertubuhan bukan kerajaan) NGO-NGO pro Barisan Nasional (BN) yang mengatakan kita (Kerajaan Negeri) menjalankan pembangunan (di kawasan) hutan macam di Cameron Highlands," katanya ketika hadir pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Timbalan Ketua Menteri II di sini 29 Oktober lalu.

Tambahnya, paras air di Empangan Mengkuang kini terpaksa dikurangkan untuk tujuan projek pembesaran empangan tersebut ketika ini.

Kecuali Pulau Pinang, Guan Eng memberitahu bahawa catuan air dilaksanakan di negeri-negeri tertentu sungguhpun ketika ini adalah musim hujan.

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang tidak melaksanakan catuan air pada fenomena *Super El Nino* lalu.

"Tiada catuan di Pulau Pinang kerana ada tiga sebab utama, pertama, kita (Kerajaan Negeri) membuat perancangan projek air baik dari segi pam (air mentah dari Sungai Muda dalam sempadan negeri) atau di kawasan empangan.

"Kedua, kita (Kerajaan Negeri) wartakan (hutan yang menjadi) kawasan tadahan air supaya ia tidak dicerobohi atau tercemar (akibat projek pembangunan).

"Ketiga, adalah kita (Kerajaan Negeri) melaksanakan dasar untuk mengurangkan pembaziran air," jelas beliau.



DR. Afif Bahardin bersama-sama para peserta melakukan senaman ringan pada penganjuran Pink October Charity Fun Walk 2016 di sini baru-baru ini.

Pink October, cetus kesedaran kanser payudara

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PINK OCTOBER ... Lebih 1,500 peserta menyertai acara larian 4.2 kilometer (km) *Pink October Charity Fun Walk 2016* anjuran Kerajaan Negeri sempena sambutan Bulan Kesedaran Kanser payudara di sini baru-baru ini.

Hasilnya, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, sejumlah RM45,000 kutipan amal diserahkan kepada pertubuhan *Pink Penang*, Kumpulan Sokongan Kanser Hospital Seberang Jaya dan Persatuan Kanser Kebangsaan Cawangan Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) amat menitikberatkan kempen seperti ini,

"Pada masa sama turut membuktikan bahawa pesakit kanser juga mampu melakukan aktiviti

yang mencabar demi kebaikan bersama," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga ADUN Seberang Jaya, Dr. T. Jayabalan (ADUN Batu Uban) dan Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubok).

Serentak acara larian ria amal tersebut, Pejabat ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim turut menganjurkan Karnival Merah Jambu (*Pink Carnival*) di Automall Persiaran Karpal Singh.

Tarian zumba dan aksi *flash mob*, ceramah kesihatan oleh doktor serta sesi pemeriksaan kesihatan percuma antara acara menarik penganjuran berkaitan.

Dasar CAT Kerajaan Pakatan sumbang lebihan hasil ikan 9 kali ganda - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Dasar Cepak, Akauntabel, Telus (CAT) yang menerajui pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang menjadi antara penyumbang utama peningkatan hasil perikanan sehingga sembilan kali ganda pada 2015 berbanding tahun 2006 di bawah Barisan Nasional (BN).

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian sambil merujuk kepada kenyataan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Datuk Ismail Abu Hassan pada 25 Oktober lalu (Lampiran A) berhubung statistik industri ikan sangkar di Pulau Pinang.

“Walaupun terdapat sedikit percanggahan statistik dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi BN Pulau Pinang, Teng Chang Yeow (Lampiran B), namun, rumusan dari kenyataan-kenyataan tersebut jelas menunjukkan terdapat peningkatan hasil tangkapan dan juga bilangan pengusaha ikan sangkar selepas tahun 2008.

“Saya tidak tahu mana satu (kenyataan) yang betul kerana kedua-duanya daripada sumber yang sama iaitu Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), (tetapi) yang ingin saya tekankan di sini, kedua-dua kenyataan tersebut menunjukkan penurunan mendadak



DR. Afif Bahardin.

bilangan pengusaha (ikan sangkar) dari tahun 2001 sehingga 2007, dan pertambahan mula berlaku sejak Pakatan Harapan mengambil alih iaitu dari tahun 2008 sehingga kini.

“Misalnya, statistik daripada DOF menunjukkan penurunan mendadak bilangan pengusaha (ikan sangkar) dari tahun 2001 sehingga 2007 dan pertambahan mula berlaku sejak Pakatan Harapan mengambil alih iaitu dari tahun 2008 sehingga kini,” katanya pada

Tahun	Jumlah Pengusaha	Hasil (mt)/tahun
2001	355	2,093.25
2002	124	2,308.53
2003	237	2,617.44
2004	175	2,089.11
2005	180	1,931.92
2006	180	3,039.24
2007	173	2,714.60
2008	191	3,166.85
2009	192	5,056.02
2010	192	6,665.57
2011	206	6,922.91
2012	206	6,983.33
2013	298	8,945.59
2014	309	25,907.99
2015	309	28,964.95

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

TAHUN	Uk. Sangkar	Hasil (mt)	Pengusaha	Penggunaan	Hasil (mt)
1999	10,217	43,715	188	536	4,845
1999	27,564	244,804	335	1,105	15,539
2000	26,783	249,608	305	1,314	19,732
2005	27,564	244,888	278	1,789	21,097
2009	34,475	387,159	177	6,663	126,514
2011	22,809	485,136	205	6,898	158,416
2012	22,809	485,136	205	6,950	159,458
2013	43,604	873,207	297	8,945	192,807
2014	43,208	809,100	308	43,208	356,004
2015	43,454	874,580	309	28,965	601,517

LAMPIRAN A.

sidang media di sini pada 26 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, **Aff memberitahu bahawa dasar CAT yang menekankan amalan bebas rasuah, tiada istilah 'orang tengah', kroni mahupun proksi termasuk dalam urusan mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tujuan membina sangkar ikan menjadi faktor penyumbang peningkatan hasil perikanan.**

“Malah, saya juga berbangga kerana

LAMPIRAN B.

kenyataan mereka (Tajuddin dan Chang Yeow) turut memberikan promosi yang amat baik bagi industri akuakultur di Pulau Pinang.

“Mereka sendiri akui (melalui kenyataan) bahawa memang di bawah Pakatan Harapan, berlaku satu kejayaan yang memberangsangkan dan ia (pengakuan tersebut) merupakan suatu pengiktirafan untuk rakyat Pulau Pinang... Kerajaan Negeri hanya memudah cara sahaja,” ujar beliau.

'Hari Tanpa Beg Plastik' P. Pinang jadi ikutan - Exco

GEORGE TOWN – Tujuh tahun lalu, Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan larangan menggunakan beg plastik di pusat membeli-belah dan pasar raya seluruh negeri.

Bermula dengan melaksanakannya secara berperingkat, iaitu tiga hari seminggu tanpa beg plastik, sehingga pada 1 Januari 2011 yang mana semua premis perniagaan termasuk farmasi, restoran makanan segera, kedai serbaneka, kiosk di stesen minyak dan rangkaian nasi kandar tidak lagi memberikan beg plastik secara percuma kepada pelanggan, setiap hari.

Pelanggan yang ingin menggunakan beg plastik ketika membeli-belah, perlu membayar 20 sen levi bagi setiap beg plastik yang digunakan.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, **Phee Boon Poh berkata, Kerajaan Negeri seharusnya berasa bangga apabila inisiatif penguatkuasaan hijau 'Hari Tanpa Beg Plastik' yang dilaksanakan sebelum ini terus mendapat sambutan baik dalam kalangan rakyatnya.**

“Hakikat ini terbukti apabila jumlah kutipan levi bagi beg plastik menurun saban tahun dan penurunan jumlah kutipan bermaksud penggunaan beg plastik dikurangkan.

“Umum (orang ramai) kini lebih selesa membawa sendiri beg *shopping* dan ia merupakan petanda yang menunjukkan tahap kesedaran orang ramai (terhadap kelestarian alam sekitar) meningkat.

“Apatah lagi, kini beberapa buah negeri di Malaysia mula mengikuti jejak Pulau Pinang dengan memilih untuk

tidak menggunakan beg plastik pada hari tertentu, malah, ada juga negara-negara serantau yang ingin mengetahui usaha kita (Kerajaan Negeri) dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau bertaraf antarabangsa” ujarinya ketika ditemui pada penganjuran *Regional Workshop on Waste Management for Climate Change* sempena *Programme Penang Climate and Clean Air Coalition* (CCAC) di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan bengkel empat hari tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Pegawai Serantau bagi Asia dan Pasifik (ROAP) United Nations Environment Programme (UNEP), Kakuko Yoshida-Nagatani; Pegawai Program International Environment Technology Centre (IE TC), Dr. Mushtaq Ahmed Memon dan Penolong Pengurus (*International Cooperation, Environment Bureau, Osaka*), Makoto Mihara.

Menurut Boon Poh yang juga Ahli Lembaga Pengarah Penang Green Council (PGC), sejumlah RM5,445,889.84 kutipan levi beg plastik telah dikumpulkan sejak Julai 2009 sehingga September 2016.

“Kutipan levi ini kemudiannya akan digunakan bagi pelaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES) dalam usaha membasmi kemiskinan tegar di Pulau Pinang.

“Tidak dinafikan, kita (Kerajaan Negeri) ada menerima aduan berhubung kutipan levi ini dan kita akan meneliti segalanya dan mungkin akan perketatkan undang-undang sedia ada,” jelasnya.



KETUA Menteri sambil ditemani Phee Boon Poh (kanan sekali) dan Steven Sim Chee Keong (kiri sekali) ketika menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada balu mangsa di sini baru-baru ini.

KM ziarah keluarga lelaki maut jatuh jambatan

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

ZIARAH... Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 29 Oktober lalu menziarahi rumah mangsa yang maut dipercayai selepas jatuh dari Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JSAHMS).

Di sana, beliau menzahirkan ucapan takziah serta memberi sejumlah sumbangan kepada balu arwah.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) turut menyertai majlis ziarah tersebut.

Balu yang enggan identitinya dikenali melahirkan rasa kesal kerana akhbar arus perdana

tertentu melaporkan secara tidak beretika mengenai arwah suami beliau.

Pada 26 Oktober lalu, anggota bomba dan penyelamat menemui mayat, Allahyarham Mohd. Sukri Saad, 38, dipercayai mati lemas selepas jatuh dari JSAHMS sehari sebelum itu.

Pasukan peronda JSAHMS sehari sebelum itu (25 Oktober 2016) menemui sebuah motosikal jenis Modenas serta telefon bimbit yang ditinggalkan di tepi jalan jambatan berkenaan dipercayai milik arwah.

Malah, arwah juga dipercayai sempat memuat naik status di laman sosial *Facebook* dan meluahkan rasa tertekan kerana berhadapan dakwaan memiliki rokok seludup, sebelum ia kemudiannya menjadi viral.

Campuran bahan semulajadi rahsia johan tandas bersih

Teks & Gambar : **YAP LEE YING**

SEBERANG JAYA - Kececewaan meraih gelaran johan pada Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang 2015 menyuntik semangat Sekolah Kebangsaan (SK) Tan Sri Awang Had Salleh, Daerah Barat Daya (DBD) untuk membuat penambahbaikan perlu.

Hasilnya, pada pertandingan tahun ini (2016), sekolah yang dahulunya dikenali sebagai SK Pulau Betong berjaya merangkul gelaran johan bagi Kategori Sekolah Rendah.

Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM), SK Tan Sri Awang Had Salleh, Khodijah Hassan ketika ditemui wakil Buletin Mutiara berkata, pihaknya menubuhkan jawatankuasa khas bagi memastikan lapan tandas sekolah (masing-masing empat tandas perempuan, lelaki, 4) berada dalam keadaan bersih.

"Kami tambahkan keceriaan di dalam tandas dengan menggunakan campuran daun pandan, limau purut dan bunga cengkih untuk cegah bau busuk tandas.

"Pada masa sama, ia juga dapat mencegah populasi lipas," katanya berkongsi rahsia kemenangan pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian hadiah, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan; Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud; barisan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Pengarah Urusan Mydin Wilayah Utara, Datuk Dr. Saduruddin Gulam Husein.

Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 diadakan bersempena Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 yang diadakan pada 22 Oktober lalu di pusat membeli-belah Mydin Bukit Mertajam, Jalan Baru, Perda.

Kompleks Makanan Taman Sentosa, Nibong Tebal berjaya mengekalkan kejuaraan apabila diumumkan sebagai johan bagi Kategori Tandas Milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); Masjid Bukit Panchor muncul johan dalam Kategori Masjid yang kali pertama diperkenalkan pada penganjuran tahun ini.

Dalam pada itu, bagi johan Kategori Jabatan Kerajaan iaitu Klinik Kesihatan Penaga, **Ketua Jururawat, Hasnirah Ahmad** memberitahu bahawa beliau berkongsi kemenangan tersebut bersama-sama kakitangan klinik yang begitu komited dalam menjaga kebersihan tandas.

"Kami menang dalam kategori yang sama tiga tahun lalu. Selepas itu, kami 'berekah' kerana ingin membuka peluang kepada pihak-pihak lain juga.

"Tahun ini, hasil kerjasama dan komitmen semua kakitangan, pemantauan berterusan serta tindakan pantas yang diambil sekiranya tandas tersumbat, akhirnya membuahkan hasil.

"Saya lahirkan rasa gembira dan penghargaan. Tanpa mereka (kakitangan) dan komitmen *cleaner*, anugerah ini memang mustahil untuk dicapai," ujar beliau.

Sementara itu, dalam ucapan Ramasamy,



KHODIJAH Hassan (tengah) sambil menunjukkan plak dimenangi bergambar kenangan bersama-sama rakan sejawat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.



HASNIRAH Ahmad.

beliau menekankan bahawa kebersihan tandas bukan perkara yang harus dipandang enteng dan Kerajaan Negeri memerlukan kerjasama serta bantuan rakyat tanpa mengira latar belakang, bangsa dan politik dalam mengatasi rungutan tandas awam yang tidak diselia dengan sempurna.

"Adalah tidak adil sekiranya kita (Kerajaan Negeri) membelanjakan wang rakyat bagi memberikan kesedaran tentang pentingnya kebersihan tandas, namun pengakhirannya mentaliti masyarakat masih di takuk lama.

"Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan generasi akan datang hidup dalam persekitaran yang berkualiti dan bersih. Untuk ke arah tersebut, masyarakat hari ini perlu dibudayakan dengan konsep kehidupan yang lebih peka dan sensitif terhadap kebersihan," katanya pada berkaitan.

Penganjuran berkaitan merupakan majlis sambutan tahun keempat bertemakan, "Tandas Bersih, Pulau Pinang Lestari" oleh Kerajaan Negeri sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah dasar *Cleaner, Greener, Healthier and Safer Penang* yang dilaksanakan melalui kedua-dua PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan MPSP.

Majlis tersebut juga adalah bersempena sambutan Hari Tandas Sedunia yang disambut pada 19 November pada setiap tahun, iaitu sebagai satu tanda peringatan dan penghargaan kepada keperluan dan kepentingan tandas di dalam kehidupan harian manusia.

Pindaan Pusat bagi kelayakan PPR tidak logik & sukarkan golongan berpendapatan rendah - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Pindaan kadar kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemilikan dan penyewaan unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh Kerajaan Pusat berkuatkuasa mulai 7 September lalu menyebabkan kesukaran kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan unit rumah berkaitani.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, persetujuan pindaan tersebut dimaklumkan melalui surat rasmi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertarikh 12 Oktober lalu.

"Saya telah menerima surat tersebut yang memaklumkan persetujuan pindaan kadar kelayakan pendapatan isi rumah dinaikkan dari RM2,500 ke RM3,000 berkuatkuasa mulai 7 September 2016.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama sekali tidak bersetuju dengan kadar kenaikan kelayakan pendapatan isi rumah ini, yang menjejaskan peluang untuk golongan berpendapatan rendah iaitu mereka yang menerima kurang dari RM1,500 untuk memiliki atau menyewa unit-unit rumah PPR.

"Kenaikan kadar ini menyebabkan golongan yang berpendapatan lebih rendah terpaksa bersaing dengan golongan yang berpendapatan lebih dari mereka (RM3,000).

"Lagipun, perkara ini (kenaikan kadar) langsung tidak dibincangkan dengan ahli-ahli Exco dan Menteri-menteri Perumahan negeri-negeri di Malaysia," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, sejak 2002, di Pulau Pinang, kadar kelayakan pendapatan isi rumah bagi penyewaan PPR

adalah RM1,500 dan ke bawah.

"Objektifnya adalah untuk memastikan golongan berpendapatan rendah sahaja layak menerima unit rumah PPR dan sebarang cadangan kenaikan pasti menjejaskan peluang mereka.

"Malah, ia adalah tidak logik, kerana kini seseorang pemohon layak membeli sebuah rumah mampu milik (RMM) Jenis A (kos rendah) atau RMM Jenis B (kos sederhana rendah) dengan kelayakan pendapatan isi rumah RM2,500 dan RM3,500 masing-masing.

"Jadi, tidak wajar mereka yang layak memiliki RMM Jenis A turut layak memiliki unit rumah PPR," jelasnya.

Mengulas lanjut, **Jagdeep turut menyeru Kerajaan Pusat supaya membina lebih banyak unit rumah PPR di Pulau Pinang.**

"Daripada 102,118 unit rumah PPR seluruh negara, Pulau Pinang hanya memiliki 999 unit rumah PPR, antara terendah di Malaysia.

"Malah, untuk rekod, dalam Bajet 2013, sejumlah 20,454 unit rumah PPR diumumkan akan dibina dan Pulau Pinang hanya menerima 70 unit atau 0.34% sahaja.

"Begitu juga dalam Bajet 2017 yang diumumkan baru-baru ini, sebanyak 21,100 unit rumah PPR akan dibina, tetapi tidak dinyatakan sama ada ia akan dibina di sini (Pulau Pinang) atau sebaliknya," ujarnya yang sekali lagi menyatakan ketidaksetujuan pindaan kenaikan kadar pendapatan isi rumah tersebut.

Sebagai rekod, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga tidak bersetuju dengan saranan Kerajaan Pusat untuk menaikkan harga RMM Jenis A (kos rendah) kepada RM65,000 dan RMM Jenis B (kos sederhana rendah) kepada RM100,000 memandangkan kesukaran memperoleh pinjaman bank bagi pemilikan rumah.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih mengekalkan harga bagi RMM Jenis A pada kadar RM42,000 dan RMM Jenis B (RM72,500).

Risiko banjir Sg. Pinang boleh dikurangkan jika Pusat tepati janji – Jagdeep

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

DATUK KERAMAT – Kejadian banjir yang berlaku pada sambutan hari Deepavali dan 7 November 2016 di kawasan Datuk Keramat rentetan limpahan air Sungai Pinang boleh dikurangkan sekiranya Kerajaan Pusat tidak melengahkan penyaluran dana bagi menyempurnakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo sekali lagi menggesa supaya Kerajaan Pusat menepati janji yang dibuat sejak Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9).

"Projek-projek jangka masa pendek seperti pembersihan sungai, mengorek sungai dan membaik pulih sistem perparitan terus dilaksanakan oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) Pulau Pinang setiap tahun.

"Tetapi, masalah atau punca berlakunya banjir di Sungai Pinang masih tidak ditangani kerana projek jangka masa panjang, iaitu penyempurnaan baki fasa RTB Sungai Pinang, Fasa 3, mengalami kelewatan yang melampau," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini 8 November lalu.

Menurut Jagdeep, **projek RTB Sungai Pinang merupakan projek Kerajaan Pusat yang melibatkan tiga fasa.**

*Fasa 1 dilaksanakan pada tahun 1998 melibatkan kos sebanyak RM6.45 juta dengan kerja-kerja pelebaran, pedalaman dan pengukuhan tebing sungai sehingga Jalan Patani.

*Fasa 2, siap pada 1999 melibatkan komponen pengambilan balik tanah dengan menempatkan semula 223 penduduk membabitkan 120 struktur gagal disempurnakan oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) tedahulu.

*Rentetan itu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengambil tanggungjawab menangani isu penempatan semula yang telahpun selesai pada pertengahan tahun 2016, membabitkan kos RM4 juta.

"Memandangkan kerja penempatan semula telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri, fasa seterusnya, Fasa 3 yang bukan sahaja melibatkan kerja-kerja tebatan banjir berjumlah RM321 juta, tetapi juga (melibatkan) kerja-kerja peningkatan kualiti air dengan kos RM333 juta, menjadikan kos keseluruhan kini RM645 juta.

"Kerja-kerja peningkatan kualiti air, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) boleh tunggu, tetapi yang kerja-kerja tebatan banjir perlulah disegerakan, jangan berlengah lagi.

"Sudah empat kali dalam tempoh 10 hari kawasan ini (Datuk Keramat) dinaiki air, sehingga menjejaskan lebih 3,000 penduduk di sini, tambahan pula



JAGDEEP Singh Deo, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil penduduk di Masjid Acheh Kebun Lama menunjukkan plakad-plakad yang membawa mesej berhubung pelaksanaan RTB Sungai Pinang dengan berlatarbelakangkan Sungai Pinang di sini 8 November lalu.

dengan keadaan cuaca yang tidak boleh diramalkan.

"Saya percaya, risiko banjir di kawasan ini dapat dikurangkan sekiranya RTB Fasa 3 ini dilaksanakan segera dan Kerajaan Pusat menunaikan janji mereka menyalurkan dana

bagi pelaksanaan projek tebatan banjir di sini," ujarnya yang akan menulis kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi mencadangkan penubuhan tabung khas bagi membantu penduduk yang mengalami kerugian akibat kegagalan dan

kelewatan penyempurnaan RTB Sungai Pinang.

Turut sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer serta wakil-wakil penduduk di Masjid Acheh Kebun Lama, dekat sini.

Tambah kadar pinjaman rumah penjawat awam tanpa kenaikan gaji tak praktikal - Jagdeep

GEORGE TOWN – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Pusat melalui Bajet 2017 sepatutnya menaikkan jumlah gaji penjawat awam, bukan sekadar mengumumkan kenaikan kadar kelayakan pinjaman perumahan mereka sahaja.

"Apa yang penting ialah kalau kita ada pinjaman yang lebih berbanding apa yang ditawarkan sekarang, isu yang penting adalah keupayaan membayar balik.

"Sekiranya penjawat awam, pendapatan mereka tidak naik selaras dengan kadar pinjaman tersebut, adalah sukar untuk bagaimana untuk mereka membayar balik pinjam.

"Kalau gaji (penjawat awam) tak naik, tapi kelayakan (jumlah) pinjaman naik, takkan tempoh pinjaman dilanjutkan dari 20 tahun kepada 40 tahun atau 50 tahun hingga 70 tahun," soalnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat baru-baru ini.

Baginya, pengumuman tersebut dari segi pelaksanaan adalah kurang praktikal.

Selain itu, Jagdeep sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat dan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya melonggarkan syarat kelayakan pinjaman bank untuk pembeli rumah pertama.

Ujarnya, lebih 60 peratus pemohon pinjaman perumahan ditolak oleh bank, sungguhpun mereka telah ditawarkan Rumah Mampu Milik (RMM) pelbagai kategori oleh Kerajaan Negeri hari ini.

Pada 21 Oktober lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak mengumumkan kenaikan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam dari RM120,000 kepada RM200,000.

Di Dewan Rakyat, Najib yang juga Menteri Kewangan I turut mengumumkan pinjaman maksimum untuk penjawat awam sejumlah RM600,000 sebelum ini, dinaikkan kepada RM750,000.

Sejak 2012, seunit PR1MA pun gagal Pusat bina di P. Pinang - Exco

GEORGE TOWN – Sejak tahun 2012, Kerajaan Persekutuan didakwa gagal membekalkan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) walaupun seunit rumah awam berkaitan untuk warganegara yang tinggal di negeri Pulau Pinang.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Kerajaan Negeri pada tahun ini baru menerima permohonan membina unit PR1MA, namun, tidak mengikut syarat-syarat pemajuan yang digariskan oleh Kerajaan Negeri hari ini.

"Sehingga sekarang, satu pun unit (PR1MA) belum dibina.

"Selepas berulang kali saya menulis surat kepada Kerajaan Pusat, pada bulan Disember 2015, baru permohonan PR1MA diterima daripada Kerajaan Pusat ke negeri Pulau Pinang.

"Saya pun tidak faham sama ada ikhlas atau tidak mereka (Pusat) kerana permohonan PR1MA ini tidak menurut syarat-syarat dan garis panduan yang wujud di Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Datuk Keramat pada sesi wawancara khas di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Garis panduan Kerajaan Negeri yang dimaksudkan, katanya, seperti larangan projek pemajuan di atas tanah berketinggian 76 meter atau 250 kaki daripada paras laut.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, garis panduan Kerajaan Pusat pula meletakkan paras nasional untuk pemajuan projek perumahan di ketinggian 150 meter atau 500 kaki dari paras laut.

"Kita (Kerajaan Negeri) ada menerima permohonan PR1MA dan Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang memohon untuk membina perumahan di atas kawasan (berketinggian) lebih 76 meter, iaitu pada ketinggian antara 80 meter hingga 120 meter.

"Satu lagi contoh di kawasan (Parlimen) Balik Pulau, kita (Kerajaan Negeri) tak benarkan projek perumahan bertingkat tinggi, cuma di kawasan pusat Balik Pulau baru-baru ini kita

benarkan sampai 12 tingkat.

"Tetapi, di luar kawasan luar Balik Pulau, kita (Kerajaan Negeri) tak benarkan.

"(Pun begitu) di kawasan Kuala Sungai Pinang, iaitu **di luar kawasan pusat bandar Balik Pulau, memang ada permohonan membina sampai 29 tingkat.**

"Inilah malangnya, sama ada mereka (PR1MA) ikhlas untuk membekalkan unit rumah atau tidak, ia sesuatu yang tidak boleh diterima, kerana Kerajaan Pusat memang mempunyai tanggungjawab untuk membekalkan rumah awam kepada rakyat Malaysia di Pulau Pinang," tegasnya.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep memberitahu bahawa rakyat Pulau Pinang yang sehingga ketika ini tidak menikmati unit PR1MA seakan-akan tidak mendapat sebarang manfaat, sungguhpun Kerajaan Persekutuan dalam pembentangan Bajet 2017 Pusat baru-baru ini mengumumkan pelbagai jenis projek perumahan.



Kondominium mewah di pinggir laut bandaraya George Town



- 5% diskaun untuk Bumiputera
- Unit Bumiputera Terhad
- Pegangan Bebas
- Saiz dari 1,400 kaki persegi

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

03-2143 3000

www.shorefront.com.my

Bajet 2017 Pusat tiada peruntukan bina SMJKT pertama negara di P. Pinang – TKM II

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SUNGAI BAKAP – Bajet 2017 Pusat yang masih tidak memberi peruntukan pembangunan untuk pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Tamil (SMJKT) pertama negara di Pulau Pinang, sebagaimana dihasrat Kerajaan Negeri terus dipersoal.

Mengulas lanjut, **Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy** menganggap belanjawan tahunan kali ini seakan-akan 'kosmetik politik' Barisan Nasional (BN) untuk mendapatkan sokongan komuniti India dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

"Kalau ada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC), Sekolah Menengah Inggeris (aliran Mubaligh), kenapa tidak boleh membenarkan pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil (SMJKT).

"Dia (Kerajaan Pusat) kata Akta Pendidikan tidak membenarkan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil (SMJKT)...tapi untuk bina SMJKT pertama negara di Pulau Pinang, dia (Kerajaan Pusat) hanya perlu beri lesen kepada kita (Kerajaan Negeri) saja.

"Kalau 60 tahun punya masalah pun dia (Barisan Nasional) tidak boleh menyelesaikan masalah kaum India, bagaimana bajet tahunan ini boleh menyelesaikan masalah kaum India.

"(Bajet 2017 Pusat) ini cuma perhiasan dan 'kosmetik politik', cuma untuk mendapatkan kembali sokongan kaum India bagi pilihan raya umum nanti," responsnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali di kediaman peribadinya di sini 29 Oktober lalu.

Sejak tahun 2011, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk membina SMJKT pertama negara di Pulau Pinang.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bersedia memberikan sebidang tanah dengan syarat Kerajaan Pusat membiayai kos pemajuan SMJKT pertama negara itu.

Walaupun saban tahun Guan Eng dan Ramasamy merayu supaya Kerajaan Pusat merealisasikan hasrat kaum India di negeri ini, namun dalam Bajet 2017 Pusat, masih tiada pengumuman peruntukan berwajib.

Selain Guan Eng, majlis tersebut turut dihadiri Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang yang juga ADUN Bukit Tambun; Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir); Dato' Maktar Shapee (ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang); Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubok); Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) serta beberapa pemimpin Kerajaan Negeri yang lain.

Kementerian tiada masalah lulus permohonan gazet PFS, Masjid Bt. Uban sebagai warisan kebangsaan - Nazri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak mempunyai sebarang masalah untuk meluluskan permohonan Kerajaan Negeri bagi menggazet sekolah tertua di Asia Tenggara, Penang Free School (PFS) dan masjid bersejarah, Masjid Batu Uban berusia 282 tahun sebagai warisan kebangsaan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz selepas Majlis Perasmian Persidangan Pelancongan Sedunia 2016 di sini, 17 Oktober lalu.

Katanya, permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam perhatian dan pertimbangan kementerianya.

“Kedua-dua tapak ini, iaitu PFS dan Masjid Batu Uban perlu dijadikan sebagai warisan negeri terlebih dahulu dan ia perlu

dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

“Apabila kedua-dua tapak ini telah dijadikan sebagai warisan negeri, langkah seterusnya adalah untuk kita (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) menggazet ia sebagai warisan kebangsaan.

“Kementerian saya tidak mempunyai masalah untuk meluluskannya,” ujarnya dalam sidang media di sini.

Turut serta, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Agung Organisasi Pelancongan Dunia, Dr. Taleb Rifai.

Pada 30 Ogos lalu, Guan Eng menerusi suratnya kepada Mohamed Nazri telah mengesyorkan dan memberi kebenaran untuk kedua-dua tapak tersebut diwartakan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Diasaskan pada tahun 1816 oleh Rev. Robert Sparke Hutchings, PFS



KETUA Menteri dan Mohamed Nazri Abdul Aziz saling bertukar-tukar cenderamata pada Majlis Perasmian Persidangan Pelancongan Sedunia 2016 di sini baru-baru ini.

merupakan sekolah aliran Inggeris Manakala, Masjid Batu pertama dan tertua di Asia Tenggara. Uban ditubuhkan pada 1734

oleh Mohamed Salleh atau lebih dikenali sebagai Nakhoda Nan Intan (Maharaja Nan Intan Ibni Al-Marhum Tengku Patie Nan Sebatang). Beliau berhijrah dari Pagar Ruyung, Sumatera ke Pulau Pinang dan telah memulakan salah satu penempatan terawal di Kampung Batu Uban.

Sementara itu, pada sidang media sama, Mohamed Nazri turut mengulas berhubung pembangunan semula terminal kapal persiaran dekat Jeti Swettenham di sini.

Menurut beliau, pihak Kementerianya akan berbincang dengan Kementerian Pengangkutan bagi menyelesaikan isu tersebut.

“Kita tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, dan saya akan cuba berbincang dengan Kementerian terbabit (Pengangkutan) bagi menghasilkan situasi 'menang-menang' kepada kedua-dua belah pihak,” jelasnya.

Naik taraf Jalan Gat Lebu China wujudkan sekitar lebih ceria

Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Jalan Gat Lebu China yang terletak di antara Wisma Yeap Chor Ee dan Wisma Kastam berdekatan Terminal Feri, Pangkalan Raja Tun Uda bakal berubah wajah apabila kerja-kerja menaik taraf kawasan paling sibuk di bandar raya George Town itu siap menjelang Jun tahun hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek yang dilaksanakan menerusi model perkongsian awam – swasta tersebut merupakan inisiatif menaik taraf ruang awam pertama di negeri ini.

“Kami (Kerajaan Negeri) amat berbesar hati apabila kerja-kerja menaik taraf ruang awam di sini dilaksanakan melalui perkongsian awam – swasta, iaitu pembiayaan bagi kerja-kerja teknikal akan ditanggung oleh Think City Sdn. Bhd. (TCSB) dan Aga Khan Trust for Culture (AKTC), manakala kos pembangunan



ILUSTRASI artis menunjukkan perubahan landskap Jalan Gat Lebu China kelak.

pula disediakan Asian Global Business (AGB) dengan anggaran kos keseluruhan RM1.8 juta,” ucapnya pada Pameran Awam Projek Menaik Taraf Jalan Gat Lebu China di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Pengarah Eksekutif TCSB,



Hamdan Majeed; Pengarah Urusan Kumpulan AGB, Dr. Noraini Abdullah; Setiausaha George Town Conservation Development Cooperation (GTCDC), Dr. Neil Khor serta wakil-wakil pendokong projek berkaitan.

Menurut Guan Eng, projek diterajui GTCDC berkenaan **akan mengubah landskap jalan**

tersebut, termasuk mewujudkan laluan pejalan kaki yang lebih luas serta teduh, persekitaran lebih ceria dan penambahbaikan ruang parkir.

“Saya difahamkan juga, projek ini akan menggalakkan lagi aktiviti berbasikal dan berjalan kaki di kawasan ini termasuk aktiviti-aktiviti komuniti lain.

“Malah, reka bentuknya juga mematuhi syarat-syarat akses sejagat iaitu dalam memastikan keterangkumannya bersesuaian dengan persekitaran Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town,” ujarnya yang turut memuji usahasama GTCDC dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam merealisasikan projek berkaitan.

Sebagai rekod, sebelum ini, pihak GTCDC bersama-sama pendokong projek tersebut telah mengadakan beberapa siri rundingan melibatkan pemilik tanah, pengusaha pemiagaan dan pengguna laluan di sini bagi memastikan setiap butiran diambil kira.

Sarul Bahiyah Pegawai Kewangan Negeri baharu

TERIMA JAWATAN... Sarul Bahiyah baru-baru ini melafazkan ikrar mengangkat sumpah memulakan tugas sebagai Pegawai Kewangan Negeri baharu berkuatkuasa 14 Oktober 2016 bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggantikan Dato' Mokhtar Mohd. Jait yang bersara wajib.

Beliau melafazkan ikrar di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Sebelum ini, Sarul Bahiyah merupakan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang.



SARUL Bahiyah.



KELIHATAN Chow Kon Yeow sedang membaca perkongsian idea dan komen daripada orang awam sejurus Majlis Perasmian Pameran Awam Projek Menaik Taraf Jalan Gat Lebu China di sini baru-baru ini.

Gelanggang hoki sintetik, inisiatif KN promosi sukan hoki



CHONG Eng (depan, kiri) dan Maimunah Mohd. Sharif (depan, kanan) ketika mempengerusikan majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Kerajaan Negeri melalui pihak Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, Padang Bola Sepak Kompleks Sukan MPSP Bukit Mertajam dekat Jalan Betik akan dinaiktarafkan menjadi gelanggang hoki sintetik atau rumput tiruan (*turf*).

Menurutnya, kerja-kerja penarafan selama 12 bulan dijangka bermula pada Mei 2017, selepas proses tender terbuka dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam masa terdekat ini.

"Pasukan hoki lelaki negeri telah memenangi pingat emas dalam Kejohanan SUKMA (Sukan Malaysia 2016).

"Sebagai suatu galakan pada sukan ini, Kerajaan Negeri sudah membuat keputusan untuk membina gelanggang hoki *turf* untuk mereka," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An turut serta

sidang media tersebut.

Chong Eng memberitahu, pihaknya akan memohon peruntukan tambahan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri akan datang, untuk projek penarafan balapan sedia ada di stadium tersebut.

"Padang bola sepak awam dekat Bandar Perda Permatang Rawa turut akan dinaiktarafkan untuk kegunaan maksimum komuniti penduduk Bukit Mertajam.

Dalam perkembangan lain, Chong Eng turut menuntut Kementerian Belia dan Sukan supaya menyalurkan peruntukan berwajib untuk membaik pulih keadaan rumput sintetik gelanggang hoki MPSP dekat kawasan Parlimen Kepala Batas.

Ujarnya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Shariful Azhar Othman dalam beberapa sidang mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (DUN) sebelum ini turut berjanji untuk membantu hasrat Kerajaan Negeri mendapatkan peruntukan berwajib tersebut daripada Persekutuan.

Selain di Kepala Batas, difahamkan, terdapat dua lagi gelanggang hoki *turf*, iaitu di Universiti Sains Malaysia (USM) dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian dekat Simpang Empat.



Kondominium @ Permatang Batu

- Keluasan Lantai: 1,162 k.p. dan ke atas
- Harga bermula dari RM450,000 dan ke atas
- 5% Diskaun untuk bumiputera
- Hak milik pegangan bebas

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

+604-530 6666

t +604 - 210 6188
f +604 - 210 6189
e sales.my@bionincorp.com
w www.bionincorp.com

Pemaju:

Bionic Land

新百年置地

Bionic Development Sdn Bhd (953078-M)
Tingkat 15.01 Bangunan KWSP
38 Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 Georgetown Penang

Astaka Lorong Kulit dinaik taraf, Exco seru ICU percepat siap tandas

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSLALA THIAN**

DATUK KERAMAT - Astaka Lorong Kulit yang terletak berdekatan Stadium Bandaraya Pulau Pinang dan pasar lambak Lorong Kulit (*Rope Walk*) bakal dinaik taraf bulan ini (November 2016).

Perkara itu diumumkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo pada 20 Oktober lalu.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkata, **Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)** telah bersetuju untuk memulakan kerja-kerja menaik taraf pada November 2016 dengan jumlah kos dianggarkan **RM20,000**.

“Kerja-kerja menaik taraf akan melibatkan elemen yang

penting-penting dahulu, seperti pembaikan bumbung astaka dan kemudian mengecat semula premis ini,” katanya pada Program Bersama Pemimpin dan Peniaga-peniaga Kecil Tapak Penjaja Sementara (TPS) Lorong Kulit di sini.

Program anjuran Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Lorong Kulit (PPPKLK) itu turut dihadiri Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Pemangku Timbalan Yang di-Pertua PPPKLK, Zakaria Abdul Rahman serta ahli-ahli jawatankuasa PPPKLK.

Dalam perkembangan sama, **Jagdeep berharap agar Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU)** segera menyiapkan kerja-kerja menaik taraf tandas-tandas awam di Lorong Kulit.

“Terdapat dua tempat, satu yang terletak berdekatan stesen minyak Shell, satu lagi adalah di sebelah astaka ini, dan kedua-

duanya mengalami kelewatan sehingga memberi kesan kepada pengunjung terutama pada hujung minggu.

“Saya sendiri akan menulis surat kepada ICU dan meminta supaya mereka memberi sebab kelewatan tersebut...saya tidak dapat terima masalah ini (kelewatan menyiapkan kerja-kerja naik taraf),” tegasnya yang menyarankan supaya ICU segera menyiapkan kerja-kerja menaik taraf yang menelan kos sehingga RM550,000 itu.

Dalam pada itu, Jagdeep yang juga Penaung PPPKLK berkata, pihaknya akan sentiasa membantu penjaja-penjaja kecil di Lorong Kulit ini.

“Saya faham, saingan (perniagaan) amat hebat dan saya harap agar MBPP dan (Jabatan) Imigresen (Malaysia) dapat membuat pemantauan serta



KEADAAN Astaka Lorong Kulit kini.

mengambil tindakan terhadap penjaja-penjaja tidak berlesen di sini,” ujarnya yang kemudian meluangkan masa kira-kira sejam beramah-mesra bersama-sama

ahli-ahli jawatankuasa PPPKLK, di sini.

Difahamkan, terdapat lebih 200 penjaja-penjaja kecil berlesen di pasar lambak Lorong Kulit kini.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) menyarungkan apron kepada salah seorang peniaga di Astaka Lorong Kulit sempena Program Bersama Pemimpin dan Peniaga-peniaga Kecil Tapak Penjaja Sementara (TPS) Lorong Kulit di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri bersama-sama R. Arunasalam (dua dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Hamper Sempena Hari Deepavali Ke-37 di sini baru-baru ini.

TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Mulai 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat:
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon:
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks:
04-2613453
Email:
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

500 keluarga terima sumbangan Deepavali

KONGSI KEGEMBIRAAN... Selama 37 tahun berturut-turut, komitmen Jawatankuasa Perkhidmatan Datuk Seri R. Arunasalam dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) menganjurkan majlis sumbangan barangan keperluan sempena sambutan Pesta Cahaya kepada pihak memerlukan memperoleh pujian daripada Ketua Menteri baru-baru ini.

Pada majlis yang diadakan baru-baru ini, sumbangan berkaitan telah

menceriakan 500 penerima terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa dan umur.

Hadir sama pada Majlis Penyampaian Hamper Sempena Hari Deepavali Ke-37 berkaitan, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan A. Tanasekharan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam).

Peserta cilik johan peraduan mewarna Buletin Mutiara

Teks & Gambar : **YAP LEE YING**

SEBERANG JAYA – Kecil-kecil cili padi merupakan perungkapan paling sesuai bagi johan Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0, **MUHAMMAD AQIL ILHAMI IBRAHIM**, 6.

Ketika ditemui wakil Buletin Mutiara pada majlis penyampaian hadiah yang diadakan bersempena Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang, Muhammad Aqil Ilhami begitu segan untuk menjawab pertanyaan dituju.

Sepatah demi sepatah, beliau hanya memberikan jawapan ringkas bahawa seronok memenangi peraduan tersebut dan akan menggunakan hadiah wang tunai RM200 dimenangi untuk pergi bersiar-siar.

Ibunya, Maizatul Akma Hadzir, 30, seorang kakitangan kerajaan berkata, beliau gembira kerana anak tunggalnya berjaya muncul johan dalam pertandingan tersebut.

"Dalam peraduan 3.0 (Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0), Aqil (Muhammad Aqil Ilhami) hanya memenangi hadiah saguhati.

"Dia (Muhammad Aqil Ilhami) memang minat mewarna dan mula menyertai pelbagai pertandingan mewarna sejak berusia empat tahun.

"Tambahan pula, saya dan suami (Ibrahim Md. Zaki, 30) memang



S. Gopiika.

memberi galakan serta pendedahan kepada dia," jelasnya.

Dalam pada itu, bagi pemenang hadiah saguhati, **S. GOPIIKA**, 9, beliau bertekad untuk terus mengambil bahagian dalam pertandingan mewarna anjuran Buletin Mutiara di masa hadapan.

"Saya gembira! Pada penganjuran lepas (Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0), kakak saya menang, kini saya pula yang dapat hadiah," ujarinya yang merupakan pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lanchang sambil tersenyum.

Hadiah utama Peraduan Melukis Poskad Kategori (1): Pelajar Sekolah, Kolej dan Institusi Pengajian Tinggi

(IPT) dimenangi **ONG YI LIN**, 13, manakala Kategori Terbuka, **CHEW WAN YII**, 22.

Yi Lin yang merupakan pelajar Tingkatan 1 Sekolah Menengah Kebangsaan (Cina) Heng Ee ketika ditemui memberitahu bahawa beliau terkejut dengan kemenangan tersebut.

"Saya selalu menyertai pertandingan melukis dan mewarna. Selain tunjuk ajar guru, saya menggunakan kreativiti saya berhubung keadaan serta rupa bentuk tandas idaman saya mengikut tema pertandingan," katanya.

Bagi Wan Yii yang berkhidmat sebagai seorang kerani dan guru melukis secara sambilan, beliau menyatakan bahawa menerusi lukisan, beliau dapat meluahkan ilham serta kreativiti dirinya.

"Selain melukis, saya juga selalu menghasilkan seni-seni kraf tradisional," ujar beliau yang memenangi hadiah wang tunai bernilai RM400 berserta sijil penyertaan.

Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 dan Peraduan Melukis Poskad anjuran Buletin Mutiara bermula 1 Ogos sehingga 1 Oktober lalu menerima sambutan hangat apabila lebih dari 1,000 penyertaan diterima.

Saringan akhir bagi pemilihan pemenang bagi kedua-dua peraduan disempurnakan oleh tiga juri profesional pada 10 Oktober lalu.



MUHAMMAD Aqil Ilhami Ibrahim sambil diapit ibu bapanya menunjukkan hasil Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 di sini baru-baru ini.

DISKAUN 5% UNTUK KAUM BUMIPUTERA

**SIMBOL PRESTIJ DAN
TANDA KEMEGAHAN**

Relau, Penang

Iconic
skies
SHEER PLEASURE ABOVE ALL

Pegangan Kekal

- 299 unit Kondominium Mewah
- 14 unit Skies Villas
- Pelan lantai 970-3,578 kaki persegi
- Jambatan Langit
- Kolam Renang Infiniti dengan Jakuzi
- Taman dan Dek Pemandangan Langit
- System Keselamatan 3-tier(peringkat)
- Pelbagai kemudahan yang lain
- Harga Jualan (Min) RM550,000.00 (Mak) RM2,412,000.00

iconic
Development

TRENDSETTING DEVELOPER

Pemaju:

Iconic Land Sdn. Bhd. (981802-A)

No.70-1-30, DPiazza Mall, Jalan Mahsuri,
Bandar Bayan Baru, 11900 Pulau Pinang.

Tel: 604-6431888 Faks: 604-6431777

Lesen Pemaju Perumahan: 13460-1/04-2017/01616(L) • Tempoh Sah: 19/04/2016-18/04/2017 • Permit Iklan Jualan: 13460-1/04-2017/01616(P) • Tempoh Sah: 19/04/2016-18/04/2017
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No Kelulusan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6190)/13(LB) • Jenis Harta: Kondominium dan Rumah Bandar
• Jumlah Petak Letak Kereta: 680 • Pegangan Tanah: Bebas • Bebanan Tanah: Digadai kepada Malayan Banking Berhad • Tarikh Jangka Siap: Oct 2017 • Jumlah Unit: 313
• Harga Jualan: RM550,000.00 (Min)-RM2,412,000.00(Max) • Diskaun 5% untuk Lot Bumiputra

*Maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran. Semua gambar, lakaran dan ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja dan bukan dirancang sebagai mewakili fakta. Walaupun semua langkah sewajarnya telah diambil semasa penyediaan maklumat ini, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang ketidaktepatan dan perubahan yang mungkin diarahkan oleh pihak berkuasa. • **Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penang International Science Fair kembali!

PENGANJURAN tahunan *Penang International Science Fair* (PISF) akan berlangsung pada 12 dan 13 November 2016 dengan lebih aktiviti dan demonstrasi yang menarik untuk semua. Tahun ini, terdapat lebih daripada 50 peserta pameran yang mewakili pelbagai industri dari seluruh dunia akan berada di sana. Syarikat-syarikat akan mempamerkan produk-produk mereka dan menjelaskan sains di sebalik produk mereka.

Tambahan pula, pelbagai bengkel dan aktiviti yang merangkumi bidang robotik, elektronik, sains komputer, kimia, biologi, fizik dan astronomi akan ditawarkan. Penyertaan adalah percuma

dan pendaftaran adalah tidak diperlukan. Pelawat yang berminat digalakkan untuk mengikuti aktiviti yang dianjurkan secara walk-in.

Pada masa yang sama, beberapa pertandingan akan diadakan pada dua hari tersebut. Pertandingan Lego Robotik yang bertema “*Rocket Launch*” memberi cabaran yang berbeza kepada para peserta tahun ini iaitu mereka perlu membuat keputusan sama ada mereka harus bekerjasama atau tidak dengan pihak lawan mereka untuk mencapai skor yang tertinggi. Satu lagi pertandingan robotik ialah *Sumo Robot Challenge*. Para peserta dikehendaki mereka robot



KETUA Menteri ketika Majlis Pelancaran PISF tahun lalu.



KANAK-kanak mengambil bahagian dalam kepelbagaian aktiviti sempena penganjuran PISF 2015.



AKTIVITI kreatif yang dijalankan.



PEMPAMER yang mengambil bahagian.

Sumo yang dapat mengatasi robot Sumo peserta yang lain. Selain itu, PISF juga akan menganjurkan *Coding Battle* yang mencabar para peserta membina AI sprite sendiri untuk

bertanding dengan peserta yang lain.

Disamping itu, 80 lebih *maker* dan *startup* akan mempamerkan hasil mereka dalam bidang seni, kraf tangan, sains, teknologi dan sebagainya bersempena dengan *Penang MakerFest*. *Maker* daripada semua peringkat umur dijangka akan mempamer dan menceritakan tentang projek-projek mereka. Pelawat yang berminat untuk mempelajari cara mematerikan litar elektronik adalah dijemput untuk menyertai “*Soldering Workshop*” dan membawa pulang produk yang dihasilkan.

Semua dijemput untuk mengunjungi PISF dan kemasukan adalah percuma. Untuk maklumat lanjut, sila melayari laman web kami www.pscpen.com atau memuat turun aplikasi “*Science Cafe*” kami dari Google Play Store.



ANTARA aktiviti menarik pada penganjuran PISF 2015.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkoneyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiand@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fook ongkokfook@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kilee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/I Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Makhtar Hj. Shapee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydp@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktfengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan djayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji rsnayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhammad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhammad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayooob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Dahalan Fazil dlan6658@gmail.com	019 - 727 4388
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmkba@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadlan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
NEGERI		FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	PERSATUAN PERLINDUNGAN	04-829 4046
EPF	04-226 1000	KANAK-KANAK	
SOCISO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
			04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga : 010 - 542 9158	- Mohd. Zaki Ismail	N22 Tanjong : 012 - 465 0021	- Tina
N2 Bertam : 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	Bungah : 011 - 12441069	- Hezreen
N3 Pinang : 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4 Permatang : 019 - 556 4664	- R. M Reza	N24 Kebun : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5 Sungai Dua : 013 - 417 3068	- Siti Zunnurain Zulkafli	Bunga : 017 - 956 3237	- Quah
N6 Telok Air : 012 - 475 4326	- Mohd. Zamri	N25 Pulau Tikus : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N7 Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N26 Padang Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N8 Bagan : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N27 Pengkalan : 012 - 423 3227	- Benji Ang
N9 Bagan : 016 - 473 1963	- Gesan	Kota : 010 - 811 7300	- Razin
N10 Seberang : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N29 Datok : 04 - 226 2464	- Kalvinder
N11 Permatang : 019 - 412 8442	- Kamal	Keramat : 04 - 282 6630	- Shuen
N12 Penanti : 04 - 538 2871	- Tira	Sungai : 04 - 282 6419	- Karuna
N13 Berapit : 016 - 401 3507	- Mr.Lim	Pinang : 019 - 4474362	Mahen
N14 Machang : 012 - 474 0964	- Yeoh Ee Yee	N23 Air Itam : 012 - 5242549	James
N15 Padang : 017 - 552 8928	- Andrew Chin	N31 Batu : 012 - 4730736	- Anne
N16 Perai : 04 - 399 6689	- Ikhwan	Lancang : 016 - 4940705	- Janet
N17 Bukit : 013 - 518 8735	- Chan	N34 Paya : 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N18 Bukit Tambun : 016 - 404 9120	- Lai	Terubong : 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N19 Jawi : 017 - 408 4784	- Selvi	N35 Batu Uban : 016 - 480 0232	- Jalal
N20 Sungai : 019 - 552 8689	- Lim Tuan Chun	N36 Pantai : 016 - 487 8602	- Khairul
N21 Sungai : 0111-508 0215	- G.Dumany	Jerejak : 016 - 444 3550	- Sathya
Acheh : 0111-508 0215	- Khor	N37 Batu : 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin
	- Abdul Halim	Maung : 019 - 498 1096	- Amirulzaman
	- Mr. Khor	N38 Bayan Lepas : 016 - 428 6158	- Danny Ho
	- Norjuliana	N39 Pulau : 010 - 773 2395	- Firdaus
	- Hasbullah	Betong : 012 - 464 3004	- Aidi Akhbal
	- Siti Hajar Abdul Aziz	N40 Telok Bahang : 017 - 413 5695	- Johan Abu Bakar

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2016**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkipli Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 9091

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2016**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvinder a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012- 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019- 225 6502
Wong Yuae Heng	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Dis. 2016**

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING

AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Peniaga belanja lebih berhati-hati sebab beban berantai GST

KUTIPAN bersih Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.01 bilion, dedah Kementerian Kewangan baru-baru ini.

Namun, hasil GST suku pertama (Q1) 2016 dalam tempoh bulan Januari hingga Mac lalu berjumlah RM10.2 bilion, dan kian berkurangan menjadi RM7.1 bilion pada Q2 dalam tempoh April hingga Jun lalu.

Berbanding Q1 2016, hasil Q2 menyusut kira-kira 30 peratus.

Angka penyusutan hasil itu sekaligus seakan menunjukkan kuasa membeli dan kuasa produktiviti dalam ekonomi negara (seakan) kian lemah.

Kuasa membeli yang kian lemah akibat kenaikan inflasi dan kos sara hidup rakyat mendorong semua pihak lebih berhati-hati dalam berbelanja.

Kesan berantai daripada itu akan turut melemahkan kuasa membeli.

Maka, sepatutnya Kerajaan Persekutuan melalui Bajet 2017 Pusat wajar berbelanja lebih, serta mengekang ketirisan, amalan rasuah dan pembaziran dana awam.

Belanjawan tahunan 2017 yang mengurangkan peruntukan untuk universiti awam, Kementerian Pendidikan serta sektor kebajikan sebenarnya akan melemahkan lagi kuasa membeli dan kuasa produktiviti dalam ekonomi negara.

Penasihat Koperasi Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad (KPATSB), **ZOLKIFLY MD. LAZIM** berkata, langkah kerajaan terdahulu berbelanja lebih untuk membina Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Politeknik Cawangan Seberang Perai Tengah, dan mewujudkan Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyebabkan wujudnya kesan berganda (*multiplier effect*) dalam ekonomi rakyat di Parlimen Permatang Pauh.

"Semua jenis aktiviti perniagaan boleh berkembang hidup di sekitar Parlimen Permatang Pauh ini kerana kakitangan kerajaan dan pelajar ada membawa kuasa membeli.

"Kalau kuasa membeli tidak datang daripada belanja pensyarah, pelajar-pelajar universiti dan politeknik serta kakitangan MPSP ini, kuasa produktiviti daripada penaja makanan dan peniaga jua tidak akan wujud secara sihat di Permatang Pauh.

"Kerajaan boleh mengutip cukai daripada semua pihak ini kerana ada pembayar cukai yang banyak, pembayar cukai yang banyak ada kerana kuasa produktiviti yang tinggi, kuasa produktiviti yang tinggi ada kerana kuasa membeli daripada ahli akademik, kakitangan kerajaan dan mahasiswa ini.

"Jika seorang pensyarah berbelanja RM100 sehari, kesan berganda (*multiplier effect*) mungkin RM1,000 apabila aktiviti ekonomi terjadi membabitkan penjual makanan, peniaga, pelajar dan semua pihak yang berurusan secara ekonomi dengan pensyarah tersebut.

"Yang penting adalah kuasa membeli dan kuasa produktiviti terus dirangsang dengan kerajaan berbelanja lebih, bukan sebaliknya.

"Sebenarnya, mewujudkan kesan berganda (*multiplier effect*) dalam ekonomi rakyat adalah sama penting

dengan usaha mengurangkan pembaziran dana awam di 'Putrajaya', berbanding usaha mengurangkan belanja dalam belanjawan definisi sesebuah Kerajaan.

"Kalau kerajaan faham betapa penting kuasa membeli dan kuasa produktiviti ini dirangsang oleh sebuah kerajaan, mereka tidak akan mengurangkan peruntukan belanja universiti awam dalam Bajet 2017 (sejumlah) RM7.4 bilion berbanding RM13.378 bilion bagi belanjawan tahunan sebelumnya (Bajet 2016 Pusat) umpamanya," jelasnya dalam sesi tinjauan rambang yang dibuat oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama wartawan pelatih **SYARAFANA ALI** baru-baru ini.

Tinjauan rambang baru-baru ini adalah sekitar kawasan Pekan Permatang Pauh di sini.

Zolkify merupakan Presiden D'BM Hospital Permatang Pauh dan pengusaha sebuah lagi hospital bersalin swasta di Gombak, Selangor.

Menurut Zolkify, iklim ekonomi yang kian mencabar tidak menjejaskan aktiviti keusahawannya kerana satu-satu hospital swasta lazimnya mempunyai pelanggan terpilih yang lebih kecil.

"Pelanggan hospital swasta rata-rata lebih kecil berbanding rata-rata rakyat yang memilih ke hospital kerajaan dengan kos perubatan yang lebih murah.

"Yang datang ke D'BM Hospital Permatang Pauh sangat kecil bilangannya dan mereka ini rata-rata ada kemampuan dari segi kewangan," jelas beliau.

Zolkify bagaimanapun memberitahu, beliau lebih berhati-hati dalam berbelanja harian disebabkan beban berantai daripada pelaksanaan GST.

"Kerajaan yang tua sahaja akan bergantung kepada hasil sumber mentah seperti petroleum, tebang balak atau jual tanah secara spekulatif.

"Kerajaan yang muda di negara maju berbelanja lebih secara kreatif untuk kebajikan rakyat, dengan hanya mengutip cukai yang wajar, amal belanja hemah, berjimat-cermat serta tidak membazir atau rasuah membabitkan dana awam.

"Kalau Kerajaan menabung semua hasil royalti petroleum, mungkin hasil pelaburannya mencecah RM30 bilion,



MOHAMAD Amberi Aziz.

menyamai hasil GST yang dikutip pada tahun lalu (2015)," jelasnya.

Zolkify memuji pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang memperuntukkan belanja kira-kira RM61 juta melalui Program-program Emas kepada warga emas, pelajar-pelajar, mahasiswa, ibu tunggal, bayi baru lahir, orang kurang upaya (OKU) dan sebagainya.

"Ambil contoh Bajet 2016, (peruntukan) RM61 juta ini tak penting sama ada ia perbelanjaan mengurus atau perbelanjaan pembangunan.

"Yang paling penting, RM61 juta ini akan bergerak dalam masyarakat dan merangsang kuasa membeli, kuasa produktiviti dan memberi kesan berganda dalam ekonomi rakyat," ujar beliau.

Lanjutan itu, seorang lagi responden **MOHD. AZHAR AZIZ** mengesyorkan Kerajaan Negeri yang mempunyai lebih kewangan sekali ganda menjadi RM574 juta dalam tempoh lapan tahun sejak 2008 lebih berbelanja untuk merangsang kuasa membeli dan kuasa produktiviti di Pulau Pinang.

Dalam tempoh 50 tahun sejak 1957 hingga 2007, Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) merekodkan surplus lebih kecil, sejumlah RM373 juta.

"Tak patut kalau tabung masjid umpamanya mencatatkan lebih kutipan setiap bulan sampai keseluruhannya



MOHD. Azhar Aziz.

mencecah RM1 juta, tetapi kegiatan ekonomi ahli kariah masjid di sekeliling lemah kerana tidak dijana.

"Sebab itu, elok sesebuah kerajaan berbelanja lebih untuk rangsang ekonomi rakyat di Pulau Pinang, selain memberitahu rakyat mengenai kemampuan Kerajaan Negeri mencatatkan lebih kewangan setiap tahun.

"Pada saat ekonomi mencabar, saya masih untung, tetapi tidak seperti dahulu kerana harga barang meningkat, tetapi kuasa membeli rakyat pada tahap yang sama kerana gaji mereka tak naik.

"Untuk terus mengejar untung minimum, caj lantai untuk pelanggan tetap mesti lebih 'istimewa', dan mutu perkhidmatan untuk pelanggan pun mesti lebih baik," katanya yang merupakan pengusaha sebuah bengkel kereta di Pekan Permatang Pauh.

Menurut Mohd. Azhar, ketika ekonomi kian mencabar kini, purata nilai jualan adalah sekitar RM20,000 hingga RM40,000 sebulan.

"Pihak UiTM Kampus Pulau Pinang merupakan antara pelanggan utama beliau untuk servis kenderaan dan pendingin hawa milik universiti," jelasnya.

Bagi **MOHAMAD AMBERI AZIZ**, seorang pengusaha syarikat penyelenggara kejuruteraan melihat



ZOLKIFLY Md. Lazim.

peluang perniagaan dalam bidang berkaitannya lebih mengecil serta menyaksikan saingan yang kompetitif.

Sebagai ahli perniagaan, katanya, beliau harus lebih kreatif untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran ekonomi yang sedia mencabar ini.

"Saya banyak juga berurusan dengan kerajaan, saya melihat amalan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri hampir sama, (iaitu) mengurangkan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan...mungkin ini sebahagian daripada langkah penjimatan.

"Bagi saya, tahun ini agak mencabar, dari rekod penyata kawangan syarikat memang nampak agak ketara berbanding tahun lepas.

"Banyak kekangan dari segi kuasa membeli tahun ini agak berkurangan berbanding beberapa tahun dahulu," ujarnya.

Menghadapi saat ekonomi kian mencabar, Mohamad Amberi memberitahu bahawa pihaknya menubuhkan lebih banyak anak syarikat untuk mempelbagaikan cabang perniagaan demi menjana keuntungan secara produktif.

ROSLIANA MAD DESA, peniaga makanan Gerai Pak Lang bersebelahan Stesen Minyak Caltex Pekan Permatang Pauh pula memberitahu bahawa kos operasi perniagaannya meningkat tinggi kerana kenaikan harga barang dan GST.

Justeru, beliau begitu berhati-hati dalam menetapkan harga jualan makan supaya pelanggan setia 'tak lari'.

"Ayam kampung atau ayam 'biasa' sekarang harga mahal berbanding dahulu, takkan kami nak letak harga yang lebih murah.

"Jadi, kami terpaksa menyediakan makanan pada harga murah seperti masakan (berasaskan) telur supaya pelanggan yang jimat berbelanja terus setia ke warung makan kami.

"Selalunya, hasil jualan kami meningkat pada hari awal bulan masuk gaji, jadi baguslah kalau kakitangan kerajaan dapat bonus atau kerajaan belanja banyak untuk rangsang ekonomi rakyat," katanya sambil memberitahu hasil jualan masih di atas siling keuntungan pada saat ekonomi kian mencabar kini.

Menurut Roslana yang enggan gambarnya dirakam, mujur kos sewaan tapak gerai adalah berpatutan disebabkan beliau berkongsi tempat niaga dengan dua 'tauke' makan lain di sini.



GERAI Pak Lang tempat Roslana Mad Desa berniaga.

Bank ketat syarat layak pinjaman, cabaran utama rakyat sukar miliki rumah - Jagdeep

SEBELUM tahun 2008, isu rumah mampu milik (RMM) untuk semua kategori tidak mencukupi mungkin masih benar-benar berlaku di Pulau Pinang.

Namun, selepas tahun 2008, sejumlah 11,487 rumah kos rendah (KR) dengan harga siling RM42,000 telah pun dibina di kelima-lima daerah Pulau Pinang.

Sejak tahun 2008 hingga sekarang, rumah kos sederhana rendah (KSR) berharga RM72,500 juga telah dibina di negeri ini iaitu sebanyak 9,400 unit.

"Angka (20,887 unit) tersebut hampir empat kali ganda (berbanding) jumlah unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibina dalam waktu masa tujuh tahun sebelum kita (Pakatan) mengambil alih pemerintahan Kerajaan Negeri, iaitu sekitar angka 5,000," ujar **EXCO PERANCANGAN BANDAR & DESA DAN PERUMAHAN, JAGDEEP SINGH DEO** dalam sesi wawancara di pejabatnya bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **Zainulfaqr Yaacob** dan jurugambar, **Ahmad Adil Muhamad** baru-baru ini.

Jagdeep sejak tahun 2008 dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, tetapi dilantik menjadi Exco Kerajaan Negeri sejak bulan Mei 2013.

Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sehingga kini sudah mempunyai 14 projek dalam proses pelaksanaan, yang akan membekal 26,255 unit RMM kepada warga negeri.

Selain itu, menurutnya, menerusi pendekatan perkongsian awam-swasta (PPP), kelulusan membina 11,550 unit RMM turut diberikan kepada pihak swasta dengan pemberian insentif serta mengikut garis panduan Kerajaan Negeri.

Ini, katanya, jumlah kasar RMM yang akan dibina di negeri ini pada peringkat ini adalah kira-kira 37,800 unit.

"Bermula pada akhir tahun ini, projek pertama yang akan secara fizikal disiapkan oleh PDC adalah Fasa 1 Bandar Cassia (dekat Batu Kawan), dan bakinya (akan disiapkan) secara berperingkat dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.

"Kita (Pulau Pinang) dengan kerjasama PDC dan pihak swasta ada bekalan hampir 37,000 unit rumah, akan ditawarkan kepada

AKSI ahli pasukan TKB XXORA FC selepas diumumkan sebagai juara Kejohanan Bola Sepak 11 Sebelah Piala Demokrasi 2016 di sini baru-baru ini.



MOHD. Rashid Hasnon (berdiri, lima dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama para peserta yang mengambil bahagian dalam perlawanan persahabatan bola sepak di sini baru-baru ini.

Kerajaan Negeri dan media saling memerlukan – Rashid

LINCAH DAN MENGHIBURKAN... Aksi lincah dan *sporting* Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon ketika berentap dalam perlawanan persahabatan bola sepak menentang pasukan media menarik perhatian penonton.

Dalam perlawanan yang berlangsung di Stadium Bandaraya baru-baru ini, pasukan Mohd. Rashid yang diwakili kakitangan pejabatnya dan Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak berjaya menewaskan pasukan media dengan kelebihan jaringan 5-2.

Mohd. Rashid turut menjaringkan

gol ketiga untuk pasukannya.

Ketika ditemui, Mohd. Rashid berkata, walaupun hanya perlawanan persahabatan, namun ianya tetap memberi makna yang besar dalam hubungan Kerajaan Negeri dan pihak media di Pulau Pinang.

“Perlawanan seperti ini mampu mengeratkan silaturahmi dan hubungan antara Kerajaan Negeri dan pengamal media di Pulau Pinang yang dilihat saling memerlukan, malah pada masa sama, ia dapat menghilangkan tekanan kerja dan kekal sihat,” katanya yang turut berharap penganjuran berkaitan dapat diteruskan.



Minat makan char kuetiau dorong Mohd. Radzi hasil perencah sendiri

DIKATAKAN asal masakan etnik Cina, char kuetiau kini kian digemari rakyat Malaysia berbilang kaum khususnya Melayu.

Maka, tak hairanlan **MOHD. RADZI HASAN**, 48, memilih untuk menghasilkan perencah char kuetiau jenama Perencah Serbaguna D'Yus.

Menurut Mohd. Radzi, perencah yang dihasilkannya turut boleh digunakan untuk memasak nasi goreng, rendang daging dan ayam, sambal tumis sotong, udang dan ikan serta ramuan bakar ikan daging, ayam dan sotong.

"Kawan saya memberitahu, beliau sanggup bayar RM2,000 untuk mendapatkan resepi perencah char kuetiau, tetapi saya hanya bayar beberapa ratus ringgit sahaja untuk belajar.

"Maka terdetik di hati saya, saya pasti akan berjaya jika menghasilkan perencah ini dalam apa cara sekalipun," ujar Mohd. Radzi pada sesi wawancara bersama-sama wartawan pelatih akhbar Buletin Mutiara, **SYARAFANA ALI** di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Radzi, perniagaan perencah char kuetiau diusahakan sejak 10 tahun lalu.

Bermula dengan minat terhadap makanan itu, akhirnya terdetik untuk menghasilkan perencah char kuetiau sendiri secara komersial.

PENGALAMAN

10 tahun lalu, sebelum memulakan perniagaan berkaitan, Mohd. Radzi memberitahu bahawa beliau begitu meminati char kuetiau, hatta setiap malam beliau makan makanan ringkas itu.

Daripada situ, katanya,

terdetik untuk menghasilkan perencah sajian berkenaan sendiri dengan belajar daripada seorang kenalan berbangsa Cina.

Selain itu, jelas Mohd. Radzi, beliau turut berusaha belajar daripada penjaja char kuetiau berbangsa Melayu serta mendapatkan latihan langsung di agensi kerajaan.

"Saya ada minat memasak, mungkin sebab mengalir bakat daripada arwah ayah yang juga tukang masak rumah kenduri.

"Pendekatan *trial and error* (pendekatan cuba-cuba)...hingga mengambil masa hampir dua tahun, perencah saya tetap tidak menjadi.

"Hinggalah seorang rakan yang berbangsa Cina memberitahu saya bahawa *Penang Char Koay Teow* bukan pada cilinya, ianya pada perencahnya," jelasnya.

Mengulas lanjut, Mohd. Radzi memberitahu, perencah char kuetiau beliau asalnya dibungkuskan dalam cawan dadih, padanlah dengan modal awal sekecil RM300 sahaja, serta dipasarkan kepada kawan-kawan terdekat sahaja.

Selepas itu, beliau mengambil peluang untuk belajar menghasilkan resepinya sendiri di beberapa agensi kerajaan mengenai teknik pemasaran dan perniagaan.

"Sampai berkampung selama seminggu di MARDI Serdang, Selangor dalam kursus pemprosesan makanan.

"Akhirnya, setelah empat tahun membuatnya, barulah perencah 'menjadi'," selorohnya.

Hasilnya, Mohd. Radzi pernah memenangi tempat ke-2 anugerah Produk Terbaik (produk baru pemprosesan) pada penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA)



ANTARA produk keluaran Perencah Serbaguna D'Yus.

2006 dan Anugerah Usahawan Cemerlang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

CABARAN

Jelas Mohd. Radzi, kejayaan yang pernah dikecapi beliau, antaranya adalah berkat sokongan tidak berbelah-bahagi daripada isteri, Yusnita Yahaya.

Selepas empat tahun, Perencah Serbaguna D'Yus berkembang dalam pasaran, isterinya lumpuh dan kesannya, empat lot kedainya terpaksa ditutup atas pelbagai sebab.

Pun begitu, Mohd. Radzi memberitahu, beliau cuba bangkit dengan sokongan kawan-kawan serta seorang usahawan.

"Setiap usahawan perlu ada jati diri, motivasi sendiri.

"Setiap hari bangun, mesti ada motivasi sendiri untuk bangun dan lakukan tanggungjawab... tidak ada perniagaan tanpa pemasaran.

"Tidak ada kejayaan bagi seorang yang takut akan kegagalan...kalau takut, pasti



YUSNITA Yahaya.

tidak akan berjaya.

"Setiap hari, saya akan tanam sikap positif di dalam minda saya, bahawa saya pasti akan berjaya," ujarnya sambil memberitahu bahawa projek keusahawanannya itu kembali dipulihkan.

HARAPAN

Mohd. Radzi berharap produknya mampu berada dalam pasaran industri halal di negeri ini.

Justeru, beliau berharap Kerajaan Negeri hari ini serta agensi-agensi kerajaan berwajib dapat memberi khidmat nasihat dan sokongan supaya Perencah Serbaguna D'Yus terus berkembang dalam pasaran industri halal serantau.

"Usahawan yang menghasilkan produk halal dalam pasaran pun sebenarnya adalah suatu jihad ekonomi.

"Sangat besar harapan Perencah Serbaguna D'Yus ini sekiranya diberi peluang untuk menjadi sebahagian produk dalam industri halal yang sedang dikembangkan oleh Kerajaan Negeri hari ini," jelasnya.

INFO:

No. Tel. : 019 - 521 4506/
014 - 244 1176.

Ralat Pengarang:

MERUJUK kepada penerbitan Buletin Mutiara edisi 1-15 September 2016, artikel bertajuk, KN perketat polisi 'Tiada Beg Plastik Percuma'.

Perenggan pertama sepatutnya berbunyi seperti di bawah dan bukannya sebagaimana dicetak.

SEBERANG PERAI - Kerajaan Negeri bakal memperketatkan undang-undang pelaksanaan polisi 'Tiada Beg Plastik Percuma' di negeri ini.

Segala kesulitan adalah amat dikesali.

Sekian, terima kasih.



SALAH seorang pekerja sedang mengacau adunan perencah.



PEMBUNGKUSAN produk sedang dijalankan.

Spiedel rindu berlari di P. Pinang, nekad balik demi *Ultra Marathon*

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

SABAN minggu, pasti ada sahaja acara atau program-program berteraskan sukan berlangsung di Pulau Pinang.

Buktinya, melalui aplikasi media sosial sedia ada, pelbagai acara berkaitan sukan seperti larian, jalan kaki, berbasikal, mendaki, futsal, bola sepak, bola keranjang dan sepak takraw sering diadakan di Pulau Pinang.

Malah, kebanyakannya dianjurkan dan disokong oleh Kerajaan Negeri sendiri ataupun dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan dan pihak swasta.

Dan pastinya penyertaan bukan sahaja daripada penduduk tempatan, malah mereka dari luar negara turut sama datang ke negeri ini untuk menyertai pelbagai acara yang diadakan.

Antara individu dari luar negara yang gemar datang ke Pulau Pinang untuk menyertai acara larian ialah **EDGAR SPIEDEL** dari Jerman yang sempat ditemu bual oleh Buletin Mutiara baru-baru ini.

Spiedel yang ditemui berkata, beliau baharu sahaja menamatkan acara larian *Ultra Marathon* anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejauh 84 kilometer (km) mengelilingi pulau yang disifatkannya sebagai paling mencabar.

PERMULAAN

“Pada tahun 2011, saya bekerja di Kilang Infineon, Kulim, Kedah serta kerap datang ke Pulau Pinang untuk bertemu dengan klien... bermula dari situ, saya mengenali Pulau Pinang sebagai ‘syurga makanan’.

“Memang saya akui, saya memang meminati makanan tempatan di sini seperti mee wantan, char kue tiau, cendol, mee mamak dan lain-lain lagi.

“Sehingga satu masa saya rasakan perut saya semakin buncit dan badan semakin gemuk... saya cuba ke gim untuk kuruskan badan, malangnya gim terlalu bosan bagi saya,” ujar Spiedel.

LARIAN JARAK JAUH

Sebagai orang Eropah yang terbiasa dengan iklim sejuk, berlari di negara beriklim khatulistiwa sangat mencabar dan pada hari pertama, beliau hanya berjaya berlari sejauh 1.5km sahaja, namun itu belum dapat mematahkan semangatnya.

“Tahun 2011 juga saya memberanikan diri menyertai



EDGAR Spiedel.

Penang Bridge International Marathon (PBIM) dengan menyertai larian 21km. Tahun berikutnya saya sertai pula acara PBIM 42km (marathon penuh),” katanya yang suka mencabar kebolehan diri.

Spiedel sempat menyatakan, melalui larian, beliau dapat menikmati semua pemandangan dan keindahan yang mungkin terlepas pandang ketika berkenderaan.

Tahun 2011 hingga 2014, Spiedel banyak menyertai acara larian yang dianjurkan di sekitar Pulau Pinang, termasuk *Ultra Marathon* dan PBIM anjuran Kerajaan Negeri.

Pada tahun 2014, beliau ditugaskan ke Austria dengan berbekalkan semangat yang tinggi dan merindui Pulau Mutiara. Pada 17 dan 18 September lalu (2016), Spiedel nekad menyertai *Ultra Marathon* dan kembali semula ke Pulau Pinang.

Ultra Marathon bukanlah sesuatu yang mudah, bukan calang-calang orang mampu menyertainya kerana lariannya merangkumi 100km termasuk 16km mendaki mercu tanda Pulau Pinang, Bukit Bendera.

Spiedel menjadi salah seorang daripada 542 peserta yang menyertai *Ultra Marathon* yang majlis pelepasannya disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dekat Padang Kota 17 September lalu.

“Pada hari larian, sememangnya saya mengharapkan cuaca hujan, nasib tidak menyebelahi saya, hujan datang bersama ribut petir... tetapi itu hanya permainan minda yang perlu diatasi, dengan pemikiran positif saya terus berlari.

“Larian di sini (Pulau Pinang)



KETUA Menteri ketika melepaskan para peserta Ultra Marathon di Padang Kota Lama 17 September lalu.

amat menarik, dengan suasana, budaya setempat, membuatkan saya berasa santai, ditambah pula dengan banyaknya juadah-juadah tempatan di tepi jalan membuatkan saya lebih bersemangat untuk berlari,” jelasnya sambil tersenyum.

HARAPAN

Menyorot kembali tahun 2011 hingga kini, Spiedel mengakui bahawa banyak perubahan dapat dilihat di Pulau Pinang di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.

Beliau berharap akan dapat

kembali ke Pulau Pinang untuk menyertai pelbagai acara larian yang menarik.

“Mungkin tahun hadapan saya boleh mencuba untuk berlari 100km pula bagi menguji ketahanan saya, dan yang paling penting saya berharap untuk masih mampu berlari walaupun sudah mencecah umur 80 tahun nanti,” seloroh beliau kepada Buletin Mutiara.

Ketika ditemubual, Spiedel sempat memberikan beberapa nasihat berguna terutamanya kepada penggemar sukan larian dan individu yang baru menceburi

aktiviti larian.

“Saya mula menceburi aktiviti larian pada umur 47 tahun, dan kini pada usia 53 tahun saya masih mampu menyertai *Ultra Marathon*. Jadi apa yang anda tunggu lagi? Beli kasut dan mulakan larian hari ini juga,” serunya.

Sebelum mengakhiri sesi wawancara, Spiedel juga menasihatkan pelari-pelari baru supaya menguatkan mental, berazam dengan lebih tinggi, cekalkan semangat dalam menikmati keseronokan ketika berlari dan bukannya meletakkan tekanan tinggi.

Oleh : **ME**



98
RESIDENCE
BUKIT MINYAK

www.98residence.com

2 STOREY EXCLUSIVE BUNGALOW

VERONA

Built-Up Area: 4,126 sq.ft.



AREZZO

Built-Up Area: 4,271 sq.ft.



IMPERIAL

Built-Up Area: 4,581 sq.ft.



- Perfect location in Bukit Minyak
- Public amenities are easily accessible
- Safe & secured guarded community
- CCTV perimeter surveillance system
- Children's playground
- Equipped with linear park & jogging track
- Easy access to Bukit Mertajam & Federal Highways
- 5 minutes to 1st bridge, 10 minutes from 2nd link
- UniFi fibre broadband ready
- Land size from 4,844 sq.ft - 12,260 sq.ft.

For Sales Enquiries:

☎ 04-331 9925

☎ 04-331 6784

Developer:



TAWAKAR GROUP
CONCRETE IDEA SDN BHD (311075-A)
No. 1639 Jalan Permatang Pauh, 13400 Butterworth.
Email: info@98residence.com, concrete@tawakar.com.my

• Project: 98 Residence • Developer: Concrete Idea Sdn. Bhd. (210370-A) • Developer License No.: 9887-2/03-2017/01416(L) • Validity Period: 01/04/2016 to 31/03/2017 • Advertising & Sales Permit: 9887-2/03-2017/01416(P) • Validity Period: 01/04/2016 to 31/03/2017 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Seberang Perai • Land Encumbrances: NIL • Building Plan No.: MPSP/40/20-43/18 • Minimum Price: RM1,503,760 • Maximum Price: RM2,632,600 • Tenure of Land: Freehold



SEBAHAGIAN kanak-kanak di PJKK DTL bergambar kenangan bersama-sama Chong Eng (tengah, berbaju kelabu) dan wakil PWDC pada lawatan mereka ke pusat jagaan tersebut di sini baru-baru ini.

PJKK, sedia sistem sokongan kepada ibu bapa perlu

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

AIR ITAM – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membelanjakan sejumlah RM148,606 bagi menaiktaraf Pusat Jagaan Kanak-kanak Daerah Timur Laut (PJKK DTL) yang berpusat di Aras 2, Bangunan Balai Rakyat Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng ketika ditemui pada majlis perasmian merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan pihak MBPP yang memperuntukkan sejumlah wang demi keselamatan dan keselesaan kanak-kanak di pusat jagaan tersebut.

“Ribuan terima kasih kepada MBPP yang telah menyelesaikan semua kerja-kerja penyelenggaraan, terutamanya pembinaan bilik mandi dan tandas baru di dalam kawasan PJKK DTL ini demi keperluan kanak-kanak di sini.

“Kini, mereka tidak perlu lagi menggunakan tandas awam yang terletak di luar pusat jagaan,” ujarnya

yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng dan Penasihat Women's Empowerment and Support PWDC, Dr. Wong Lai Yong.

Difahamkan, sebelum ini kanak-kanak di PJKK DTL ditempatkan di Aras 3, Bangunan Serbaguna MBPP di Padang Tembak hampir 10 bulan sementara menunggu kerja-kerja penyelenggaraan selesai.

Dalam pada itu, Chong Eng memberitahu, selain PJKK DTL, pusat penjagaan serupa di bawah kelolaan Kerajaan Negeri turut diwujudkan di Taman Serumpun, Bukit Mertajam dengan menawarkan yuran bulanan serendah RM50 untuk ibu bapa yang berpendapatan rendah di negeri ini.

“Penubuhan pusat-pusat jagaan ini adalah untuk menyediakan sistem sokongan kepada para ibu bapa yang bekerja dengan yuran yang amat berpatutan, di samping menjadi pemangkin kepada penglibatan golongan wanita tempatan dalam sektor pekerjaan domestik,” ujar beliau.

Kerja kukuh struktur tingkat 1 Pasar Awam Bkt. Mertajam mula Disember

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA - Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini mengumumkan cadangan pengukuhan semula struktur tingkat satu pasar besar Pasar Awam Bukit Mertajam.

Mengulas lanjut, beliau berharap proses rejuvenasi yang bakal melibatkan komuniti setempat suatu hari nanti mampu mengubah wajah ruang terbuka pasar awam tersebut seperti *Hin Bus Depot Art Centre* dekat Jalan Gurdwara di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"*Hin Bus Depot Art Centre*

menggamit pengunjung tempatan dan pelancong asing kerana keunikan mural pada dinding-dinding bangunan lama serta landskap yang cantik untuk sesi bersantai serta bergambar kenang-kenangan.

"Kita (MPSP) akan berunding sekali lagi dengan mereka (penjaja berlesen terbabit) sebelum memulakan kerja-kerja pengukuhan struktur bangunan pasar besar ini.

"Peniaga-peniaga kecil lah yang menghidupkan pasar besar tersebut dan mereka akan ditempatkan kembali di pasar besar tersebut selepas projek pengukuhan struktur ini siap.

"Selepas siap nanti, inilah hadiah *open space* (ruang terbuka) MPSP untuk penduduk Bukit Mertajam.

"Saya harap mereka dapat jaga

dan hidupkan kawasan ruang terbuka itu agar bertambah menarik," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang serta Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An.

Maimunah memberitahu, MPSP akan memulakan proses tender terbuka dalam masa terdekat.

"Kerja-kerja pengukuhan struktur tingkat satu pasar besar tersebut akan bermula Disember ini dan dijangka siap dalam tempoh lapan bulan," jelasnya.

Difahamkan, bangunan Pasar Awam Bukit Mertajam yang

berkeluasan lantai 57,440 kaki persegi adalah milik MPSP.

Sebelum terbakar pada 4 Februari 2014, bangunan tersebut disewa oleh Pasaraya GLS (M) Sdn. Bhd..

Susulan tragedi itu, MPSP mengambil langkah menutup pasar tersebut atas faktor keselamatan, lalu, memulakan kerja-kerja pembaikan sementara dan segera.

Dalam tempoh kerja-kerja pembaikan itu, seramai 291 penjaja berlesen disusun secara sementara di kawasan sekitar, termasuk atas jalan utama Jalan Pasar.

MPSP pada 1 September 2014 menempatkan semula mereka di bahagian bawah pasar besar tersebut.

Pada 1 hingga 5 Ogos baru-baru ini, MPSP mengadakan perbincangan mengenai reka bentuk

perbandaran Bandar Bukit Mertajam bersama-sama tiga pihak lain, dalam Pasukan Reka Bentuk Bandar Bukit Mertajam.

Tiga pihak yang menyertai pasukan perbincangan tersebut adalah Universiti Sains Malaysia (USM) serta *Yokohama City Council* dan *Yokohama City University* dari Jepun.

Cadangan projek meremajakan semula Bandar Bukit Mertajam pada masa hadapan, antaranya, kerja-kerja menaiktaraf serta mengekalkan keunikan pada struktur fizikal bangunan sedia ada, seperti bahagian tangga utama di hadapan Pasar Awam Bukit Mertajam yang menjadi mercu identiti bandar lama tersebut.

Pasukan boling padang MPSP juara di Bangkok



MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, lima dari kanan), Sr. Rozali Mohamud (barisan depan, enam dari kanan) sambil menunjukkan hadiah dimenangi bergambar kenangan bersama-sama seluruh warga MPSP pada Majlis Perhimpunan Korporat PBT berkaitan di sini baru-baru ini.

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA - Pasukan boling padang Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) muncul juara Kategori Boobie dalam Kejohanan International Lawn Bowls Open Triples 2016 yang berlangsung di Kelab Sukan Diraja Bangkok (RBSC), Thailand baru-baru ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, MPSP juara selepas menundukkan 24 pasukan dari lapan negara dalam kejohanan selama enam hari mulai 30 Ogos lalu.

"Kita juara dalam kejohanan disertai 24 pasukan dari lapan negara, iaitu Thailand, Britain,

India, Filipina, China, Korea, Jepun dan Malaysia," ucapnya pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran Majlis Sr. Rozali Mohamud dan barisan Ahli Majlis MPSP.

Ekoran kejayaan itu, Maimunah merakamkan penghargaan kepada tiga penjawat awam MPSP, Abdul Rahman Sharif, Zanzuri Hashim dan Wahyudi Wahid kerana mengharumkan nama pihak berkuasa tempatan (PBT) serta negeri Pulau Pinang di persada antarabangsa.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan atas kejayaan Pasukan Hoki MPSP mendapat tempat ketiga

Kategori Terbuka Lelaki sempena Kejohanan Hoki MAKSAT Malaysia 2016.

"Tahniah juga kepada Biro Kebudayaan dan Kesenian PUSPANITA MPSP yang berjaya dalam dua kategori sempena Pertandingan Kebudayaan Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang 2016, anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Negeri Pulau Pinang.

"MPSP muncul johan tujuh tahun berturut-turut untuk Kategori Pertandingan Tarian dan satu lagi johan Kategori Tiru Gaya Artis.

"Tahniah diucapkan kepada semua kakitangan yang terlibat dalam mengharumkan nama MPSP," ujarnya.



ERIC Lim Seng Keat (kanan sekali) memerhatikan komitmen anggota penguatkuasa MBPP yang sedang mengawal aliran lalu lintas Lebuhraya Light di sini baru-baru ini.

Lorong khas untuk legakan trafik Lebuhraya Light

GEORGE TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menyediakan lorong khas (*lay-by*) di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Lebuhraya Light bagi memudahkan ibu bapa menurun dan mengambil anak masing-masing.

Menurut Ahli Majlis MBPP, Eric Lim Seng Keat, penyediaan lorong khas tersebut penting bagi mengawal kesesakan lalu lintas dihadapi kini terutamanya pada waktu puncak.

"Lorong khas ini akan dibina dalam masa terdekat dan dijangka boleh digunakan bermula pertengahan bulan ini.

"Hasil perbincangan dengan pihak sekolah, MBPP turut bersetuju untuk mengambil inisiatif khas menempatkan anggota penguatkuasa lalu lintas pada hari Isnin dan Rabu bermula pada jam 2 petang hingga 3 petang dan Jumaat (11:45 pagi hingga 12:45 tengah hari) bagi mengawal keadaan lalu lintas di sini," katanya pada sesi lawatan ke lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP lain seperti Mhd. Nasir Yahya, Nur Zarina Zakaria, Grace Teoh Koon Gee, Wong Yuae Harng dan Gan Ay Ling. Turut serta, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Convent Lebuhraya Light, Zulkifli Hamid Araby dan Timbalan Pengerusinya, Zolhilmi Hamdan.

Mengulas lanjut, Seng Keat turut memohon kerjasama para pengguna terutamanya ibu bapa yang menghantar dan mengambil anak masing-masing supaya mematuhi arahan anggota penguatkuasa MBPP yang ditugaskan kelak.



LEMBAGA MUZIAM NEGERI PULAU PINANG
NO. 57, JALAN MACALISTER, 10400 GEORGE TOWN, PENANG.

UNTUK HEBAHAN

PAMERAN BERGERAK PERTAMA YANG DIADAKAN DI MALAYSIA
"Malaysia's First Travelling Exhibition"

Buat julung kalinya Program 'Silang Budaya 2016' yang berkonsepkan "Travelling Exhibition" yang diterajui oleh Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang selaku Pengerusi Jawatankuasa Pameran & Pendidikan bagi tahun 2016 dibawah Persatuan Muzium Malaysia akan menjelajah ke enam (6) buah negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2016.

Program ini bertujuan memberikan pendedahan dari aspek seni, kebudayaan dan warisan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa sekaligus meningkatkan kefahaman mengenai kebudayaan dan tradisi masyarakat di Malaysia. Objektif utama 'Silang Budaya 2016' adalah untuk menjalinkan hubungan dua hala secara 'cross interrelation' dimana peluang serta pendedahan awal diberikan kepada warga kerja muzium untuk mempertingkatkan kemahiran dalam pengendalian pameran dan aktiviti – aktiviti pendidikan sebagai perniagaan teras (core-business).

Program ini telah menerima penyertaan daripada Jabatan Muzium Malaysia dan lima buah muzium negeri yang lain. Selaku perintis dan peneraju projek Silang Budaya 2016, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang telah memilih persembahan Ghazal Party sebagai warisan budaya untuk dipertontonkan kepada umum, manakala, Jabatan Muzium Malaysia mengetengahkan pameran mengenai seni warisan Gambus, Lembaga Muzium Negeri Kedah mempersembahkan tradisi wayang kulit Seri Asun, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang mewakili negeri Selangor mempamerkan seni Cempuling, Yayasan Warisan Johor memperlihatkan seni persembahan Zapin dan Lembaga Muzium Negeri Perak memilih seni Tarian Dabus.

Konsep 'Silang Budaya 2016' adalah cetusan idea dari Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada muzium-muzium yang bergabung serta para pelawat yang telah berkunjung ke pameran 'Silang Budaya 2016' ini. Pameran ini bakal menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia mulai April 2016 dan negeri Perak telah diberi kepercayaan sebagai destinasi pertama untuk melangsungkan pameran Silang Budaya 2016.

Kesinambungan daripada projek rintis ini, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang bakal membukukan hasil dokumentasi proses-proses pembikinan serta perjalanan 'Silang Budaya 2016' bermula dari awal cernaan idea serta konsep sehingga proses penjelajahan pameran keenam-enam buah negeri ini berakhir.

Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang merupakan institusi permuziuman Badan Berkanun Negeri dibawah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Haryany Mohamad
Pegarah
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang
No.57 Jalan Macalister, 10400 Georgetown, Pulau Pinang

Unit Perhubungan Awam

Cik Noorida Bt Noordin / Cik Radziah Othuman / En. Hafiz Zainula
Email : noorida@penangmuseum.gov.my / radziah@penangmuseum.gov.my / hafiz_zainula@penangmuseum.gov.my
Tel : 04-2261 461 / 462
Website : www.penangmuseum.gov.my
Facebook : <https://www.facebook.com/silangbudaya/>

###



LIM Siew Khim (barisan depan, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama para anggota Briged Wanita pada penganjuran Program TAMPIL 2.0 Peringkat Parlimen Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

TAMPIL, bantu wanita fahami hak & kesaksamaan gender

PERKASAKAN WANITA... Kerajaan Negeri akan terus mengiktiraf penglibatan wanita dari akar umbi, khususnya dalam pembangunan negeri dan kapasiti sendiri menerusi pelaksanaan pelbagai dasar yang dikhaskan untuk golongan sasar berkenaan kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, Kerajaan Negeri sentiasa memberi peluang kepada golongan wanita untuk memainkan peranan masing-masing dalam pembangunan sama ada sosial, ekonomi mahupun politik di negeri ini.

"Antaranya, program TAMPIL yang kini memasuki edisi kedua. Ia bukan sahaja memberi

peluang untuk wanita melibatkan diri secara aktif dalam kelompok komuniti setempat, malah membantu mereka memahami kepentingan kesaksamaan gender, hak-hak wanita serta isu hak asasi manusia," katanya pada Program TAMPIL 2.0 Peringkat Parlimen Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), D.R. Kala.

TAMPIL merupakan program diperkenalkan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT), Briged Wanita Pulau Pinang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Program Saringan Kesihatan P. Betong dapat sambutan

Gambar : **LAW SUUN TING**

PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA... Lebih 200 penduduk sekitar Pulau Betong menyertai Program Saringan Kesihatan Percuma Bersama Hospital Adventist Pulau Pinang yang diadakan di Dewan Serbaguna Persatuan Penduduk Akhlak Chee Pin Khor di sini baru-baru ini.

Perasmian Program anjuran bersama Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Briged Wanita Pulau Betong dan Lions Club Daerah George Town itu disempurnakan Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain yang mewakili Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menurut PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, penganjuran program tersebut adalah



MOHD. Tuah Ismail (berdiri, dua dari kiri) dan Abdul Halim Hussain (berdiri, tiga dari kanan) beramah-mesra dengan para penduduk yang menyertai Program Saringan Kesihatan Percuma di sini baru-baru ini.

selaras dengan kempen kesedaran kesihatan iaitu bagi memberi pendedahan kepada penduduk setempat supaya mengamalkan budaya hidup sihat.

"Selain itu, ia juga bagi membolehkan penduduk setempat mendapatkan saringan kesihatan secara percuma termasuk nasihat berhubung aspek kesihatan," katanya yang berhasrat meneruskan program sedemikian pada masa hadapan.

Hadiah tunai RM3,000 jadi rebutan pertandingan sepak takraw

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

AIR ITAM - Jaguh-jaguh sukan sepak takraw seluruh negara dipelawa menyertai Pertandingan Sepak Takraw Terbuka/Veteran Piala YB Wong Hon Wai yang bakal berlangsung pada 3 dan 4 Disember ini.

Perkara tersebut diumumkan oleh Hon Wai sendiri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kejohanan anjuran Biro Sukan Rekreasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu bersama Kelab Jaguh Kampung tersebut adalah bertujuan mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan tersebut.

"Pertandingan ini telahpun memasuki tahun kedua penganjurannya, (dan) pastinya kita (penganjur) mahu kegemilangan sukan sepak takraw dapat dimartabatkan kembali sebagai sukan rakyat," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Biro Sukan JKKK Kampung Melayu, Abdul Aziz



WONG Hon Wai (duduk, tengah) merakam gambar bersama-sama barisan jawatankuasa penganjur dan penaja Pertandingan Sepak Takraw Terbuka/Veteran Piala YB Wong Hon Wai pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Buhari; Pengerusi Kelab Jaguh Kampung, Rozaimi Hamid dan Pengarah Urusan Aura Life Sdn. Bhd., Zainuddin Zainul Abidin.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu, tahun lalu, walaupun kali pertama dianjurkan, sebanyak 36 penyertaan diterima.

"Justeru, tahun ini, kita berharap ia mampu menarik kira-kira 72 regu iaitu 48 regu bagi Kategori Terbuka dan Kategori Veteran (24 pasukan)," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz memberitahu, sebanyak 13 sependuk

penganjuran digantung di seluruh Pulau Pinang bagi memberi maklumat kepada umum.

"Penyertaan tidak dihadkan untuk rakyat Pulau Pinang sahaja. Yuran pendaftaran sebanyak RM120 dikenakan kepada setiap regu Kategori Terbuka dan Kategori Veteran (RM100).

"Pihak penganjur akan membuka empat gelanggang bagi memastikan pertandingan berjalan lancar. Antaranya, Gelanggang Sepak Takraw Kampung Melayu, Jalan Ru, Desa Mawar dan Jalan Zoo," ujarnya.

Tambah Abdul Aziz, pertandingan Kategori Terbuka dijadualkan berlangsung pada 3 Disember (2016) dan Kategori Veteran pada hari berikutnya.

"Bagi setiap regu, hanya seorang pemain kebangsaan atau negeri sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.

"Hadiah wang tunai berjumlah RM2,000 menjadi rebutan bagi Kategori Terbuka, manakala Kategori Veteran (RM1,000)," jelasnya.

Keterangan lanjut, hubungi Khir Johari Mohamed Nasib pada talian 019 - 445 8515 dan Ismail Mohamad, 016 - 400 0441.

Hari Tongkat Putih, suntik kesedaran keperluan golongan cacat penglihatan

GEORGE TOWN - Hari Tongkat Putih Sedunia yang disambut pada 15 Oktober setiap tahun memberi makna besar buat golongan orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan.

Bersempena itu, St. Nicholas' Home telah menganjurkan program dengan penyertaan masyarakat yang sempurna pancaindera untuk berjalan bersama-sama golongan istimewa berkaitan di Lebuhraya Pantai di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, sambutan tahunan tersebut bertujuan menyuntik kesedaran umum agar bersikap prihatin terhadap si pemegang tongkat putih.

"Sambutan ini merupakan sebahagian

daripada kempen kesedaran kepada masyarakat untuk memahami permasalahan dan cabaran yang dilalui golongan cacat penglihatan.

"Serentak itu, masyarakat juga dapat mendekati dan melihat sendiri semangat juang yang ditunjukkan golongan istimewa ini," katanya yang turut mengambil bahagian dalam Sambutan Hari Tongkat Putih Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengarah Eksekutif St. Nicholas' Home, Daniel Soon.

Seramai 200 individu mengambil bahagian berjalan kaki sejauh 3.5 kilometer bermula dari Lebuhraya Pantai ke Weld Quay di sini dengan kedua-dua mata ditutup.



PARA peserta dan sukarelawan berjalan menerusi laluan Weld Quay pada sambutan Hari Tongkat Putih Sedunia di sini baru-baru ini.



PROF. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) mendengar dengan teliti salah satu permasalahan diutarakan seorang penduduk pada Program Pemimpin Bersama Rakyat di sini baru-baru ini.

ADUN turun padang selesai masalah rakyat

BANTU RAKYAT... Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy baru-baru ini turun padang untuk mendengar sendiri permasalahan rakyat pada penganjuran Program Pemimpin Bersama Rakyat di Taman Senangin, Perai.


Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai berkata, selaku wakil rakyat kawasan tersebut, beliau akan cuba sedaya-upaya mencari penyelesaian serta mempertimbangkan setiap masalah dan keluhan dibangkitkan penduduk setempat.

Turut diadakan, pendaftaran bagi Program-program emas Kerajaan Negeri, pendaftaran bagi program Agenda Ekonomi Saksama (AES), pendaftaran pengundi baharu, pameran oleh agensi-agensi kerajaan.

Antara pempamer yang mengambil bahagian ialah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

FOOD & HOTEL PENANG 2016

The 2nd International Exhibition of Food, Drinks, Hotel, Restaurant
& Foodservice Equipment, Supplies, Services & Related Technology



Penang's Official Food & Hotel Show

15 - 17 NOVEMBER 2016

STRAITS QUAY CONVENTION CENTRE
PENANG, MALAYSIA

*Supported by the Penang State Government &
Malaysian Association of Hotels - MAH (Penang Chapter),
this show will be the 2nd Edition of the Trade Event*

FEATURING:

- ▶ Major players of the Food & Hotel industry such as;
 - Aeroshield
 - F&B Equipment
 - Global Pacific Victory
 - New Zealand Unlimited
 - Pastry Pro
 - UNOX (Asia) and many more.
 - Chefutensil
 - GL Baker Solutions
 - HSH Frozen
 - NKR-Continental
 - Sendo Ichi
- ▶ Wine Village - Offering a comprehensive selection of delectable wines.
- ▶ The General Managers' and Exhibitors' Cocktail is an exclusive opportunity to meet, network and discuss with top decision makers in the Food & Hospitality industry in Penang and the neighbouring states of Northern Malaysia.
- ▶ Locavore Pavilion - Made up of Malaysian Government Agencies showcasing their products and services putting forth local agricultural products.
- ▶ Live cooking demonstrations and talks by key Exhibitors.

*That's not all! We will also be having Lucky Draws
for all trade Visitors! Do not miss out on the chance
to walk away with one of these fantastic prizes :
Apple iWatch, iPad Mini, GoPro Hero 4 Session and
HP X2 Detachable Laptop.*

Pre-Register NOW! www.foodandhotelpenang.com
(Deadline for Online Pre-Registration : 13 November 2016)

OPENING HOURS :

15 - 16 November 2016 (10.00am - 6.00pm)

17 November 2016 (10.00am - 5.00pm)

(Strictly Open to Professional and Trade Visitors Only)

HOTLINE!

Tel: 03-4041 0311

Fax: 03-4043 7241

E-mail: enquiry@mesallworld.com

PENANG-ITE SPECIAL LUCKY DRAW



2x Plane Tickets to Phuket

This is only eligible to Penang-ites.

- ▶ There will be a special counter, exclusive for Penang-ites to register at the event.
- ▶ The winner will be announced on the last day of the show (17th November 2016).
- ▶ FHP 2016 will also provide a complimentary parking and coffee coupon for Penang-ites.



Penang State Government

Supported By :



Malaysian Association of Hotels



Official Hotel :



HOTEL



Organised By :

MALAYSIAN EXHIBITION
SERVICES
SDN BHD
(58243-X)



Food and Hotel Penang



FoodHotelPenang